DRAF RANCANGAN TEMPATAN

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

2035

(PENGGANTIAN)



JILID 2

ZON GUNA TANAH DAN PARAMETER UTAMA KAWALAN PEMAJUAN

PLANMalaysia

PLANMalaysia@Melaka

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

RANCANGAN TEMPATAN
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
2035
(PENGGANTIAN)

JILID 2

ZON GUNA TANAH DAN
PARAMETER UTAMA KAWALAN PEMAJUAN

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 : PERKARA AM — MUKA SURAT

1.0 PENGENALAN

1.1 Dokumen Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) 1-2

1.2 Pengenalan Laporan Jilid 2 RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) 1-3

1.3 Kandungan Laporan Jilid 2 RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) 1-4

1.4 Pembahagian Blok Perancangan 1-6

2.0 ZON GUNA TANAH, 2035 DAN INTENSITI PEMBANGUNAN, 2035

2.1 Zon Guna Tanah 2035 2-2

2.2 Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan 2-6

2.3 Intensiti Pembangunan 2-13

2.3.1 Kawalan Kepadatan (Densiti) 2-13

2.3.2 Kawasan Nisbah Plot 2-14

2.4 Kawalan Kawasan Liputan *(Plinth)* 2-14

2.5 Garis Panduan Perancangan 2-19

3.0 PARAMETER UTAMA KAWALAN PEMAJUAN

3.1 Parameter Utama Kawalan Pembangunan 3-2

3.2 Zon Pemeliharaan Alam Sekitar 3-5

3.2.1 Koridor Persisiran Pantai (1km) 3-12

3.3 Zon Kawalan Keselamatan 3-13

3.3.1 Kem Tentera Terendak 3-13

3.3.2 Kawalan Ketinggian di Kawasan Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka 3-13

3.3.3 Stesen Satelit Bumi Melaka 3-13

3.4 Zon Ternakan Sensitif 3-18

3.4.1 Sasaran Ternakan Unggas/Ayam pada 2035 3-18

3.4.2 Kawasan Ternakan Babi 3-21

3.5 Zon Risiko 3-24

3.6 Zon Pembangunan Transit / Transit Development Plan 3-35

3.7 Zon Persisiran Pantai 3-42

BAHAGIAN 2 : KAWALAN PEMAJUAN

4.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 1 4-1

5.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 2 5-1

6.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 3 6-1

7.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 4 7-1

8.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 5 8-1

9.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 6 9-1

10.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 5 10-1

11.0 KAWALAN PEMAJUAN BLOK PERANCANGAN 6 11-1

SENARAI RAJAH

PERKARA		MUKA SURAT
Rajah 1.1	Dokumen Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)	1-2
Rajah 1.2	Struktur Kandungan Laporan Jilid 2	1-4
Rajah 1.3	Sempadan Blok Perancangan	1-7
Rajah 1.4	Sempadan Blok Perancangan Kecil	1-8
Rajah 2.1	Pecahan Zon Guna Tanah 2035	2-3
Rajah 2.2	Zon Guna Tanah 2035	2-5
Rajah 2.3	Intensiti Pembangunan, 2035	2-15
Rajah 2.4	Intensiti Pembangunan 2035 (Nisbah Plot)	2-16
Rajah 2.5	Intensiti Pembangunan 2035 (Kepadatan)	2-17
Rajah 2.6	Intensiti Pembangunan 2035 (Ketinggian Bangunan)	2-18
Rajah 3.1	Senarai Parameter Utama Kawalan Pemajuan	3-2
Rajah 3.2	Parameter Utama Kawalan Pemajuan, 2035	3-4
Rajah 3.3	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	3-8
Rajah 3.4	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) - Tahap 1	3-9
Rajah 3.5	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) - Tahap 2	3-10
Rajah 3.6	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) - Tahap 3	3-11
Rajah 3.7	Zon Kawalan Keselamatan	3-14
Rajah 3.8	Kem Tentera Terendak	3-15
Rajah 3.9	Kawasan Kawalan Ketinggian di Kawasan Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka	3-16
Rajah 3.10	Kawasan Stesen Satelit Bumi Melaka	3-17
Rajah 3.11	Zon Ternakan Sensitif	3-19
Rajah 3.12	Kawasan Ternakan Ayam Sedia Ada	3-20
Rajah 3.13	Lokasi Kawasan Ternakan Babi Sedia Ada	3-22
Rajah 3.14	Perincian Lot Kawasan Ternakan Babi Sedia Ada	3-23
Rajah 3.15	Zon Risiko	3-25
Rajah 3.16	Kawasan Jajaran Bekalan Gas dan City Gate	3-26
Rajah 3.17	Kawasan City Gate, Lendu	3-27
Rajah 3.18	Kawasan City Gate, Taboh Naning	3-28
Rajah 3.19	Kawasan City Gate, Telok Gong	3-29
Rajah 3.20	Kawasan Kuari	3-30
Rajah 3.21	Kawasan Kuari, Taboh Naning	3-31
Rajah 3.22	Kawasan Kuari, Malaka Pindah	3-32
Rajah 3.23	Kawasan Kuari, Telok Gong	3-33
Rajah 3.24	Tapak Pelupusan Sampah Sg. Udang	3-34
Rajah 3.25	Lokasi Zon Pembangunan Transit Pulau Sebang di Mukim Pulau Sebang	3-37
Rajah 3.26	Kategori Zon Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)	3-38

PERKARA		MUKA SURAT
Rajah 3.27	Pecahan Sempadan Zon TOD	3-38
Rajah 3.28	Zon Pembangunan Transit (Lingkungan 400m dan 800m) – Guna Tanah, 2020	3-39
Rajah 3.29	Zon Pembangunan Transit (Lingkungan 400m dan 800m) – Guna Tanah, 2035	3-40
Rajah 3.30	Zon Pembangunan Transit (Lingkungan 400m dan 800m) – Intensiti Pembangunan, 2035	3-41
Rajah 3.31	Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai Negara (NCVI) bagi Negeri Melaka	3-42
Rajah 3.32	Zon Persisiran Pantai	3-46

SENARAI JADUAL

PERKARA		MUKA SURAT
Jadual 1.1	Dokumen Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)	1-2
Jadual 1.2	Keluasan Setiap Mukim di Kawasan RTMPAG 2035 (Penggantian)	1-6
Jadual 2.1	Klasifikasi Zon Guna Tanah RT Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2035 (Penggantian)	2-4
Jadual 2.2	Format Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Bagi Setiap Blok Perancangan Kecial (Sempadan Mukim)	2-6
Jadual 2.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan	2-8
Jadual 2.4	Kawalan Kepadatan Zon Perumahan (Unit Per Ekar)	2-13
Jadual 2.5	Kawalan Kepadatan Zon Perumahan Kampung (Unit Per Ekar)	2-13
Jadual 2.6	Nisbah Plot Untuk Zon Guna Tanah Komersial	2-14
Jadual 2.7	Nisbah Plot Untuk Zon Guna Tanah Industri	2-14
Jadual 2.8	Kawalan Ketinggian Bangunan Untuk Zon Guna Tanah Komersial dan Industri	2-14
Jadual 2.9	Senarai Garis Panduan Perancangan (GPP) Yang Diguna Pakai di MPAG	2-19
Jadual 3.1	Parameter Utama Kawalan Pemajuan	3-3
Jadual 3.2	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	3-6
Jadual 3.3	Perincian Tahap Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	3-7
Jadual 3.4	Perincian Kawasan Risiko	3-38
Jadual 3.5	Contoh Penambahan Nisbah Plot TOD	3-38
Jadual 3.6	Kawalan Kepadatan Perumahan Dalam Kawasan TOD	3-38
Jadual 3.7	Kiatan Rancangan Zon Persisiran Pantai Negara – 2 dengan RT Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2035 (Penggantian)	3-43
Jadual 3.8	Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai (KSASPP) pada Laporan Rancangan Zon Persisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN2)	3-45
Jadual 4.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP1	4-1
Jadual 4.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kelemak	4-6
Jadual 4.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kelemak	4-8
Jadual 4.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Pegoh	4-18
Jadual 4.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Pegoh	4-20
Jadual 5.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP2	5-1
Jadual 5.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Gadek	5-4
Jadual 5.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Gadek	5-6
Jadual 5.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kemuning	5-16
Jadual 5.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kemuning	5-18
Jadual 5.6	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Padang Sebang	5-26
Jadual 5.7	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Padang Sebang	3-28
Jadual 5.8	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Pulau Sebang	5-36
Jadual 5.9	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Pulau Sebang	5-38
Jadual 5.10	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Tanjong Rimau	5-48
Jadual 5.11	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Tanjong Rimau	5-50
Jadual 5.12	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Tebong	5-58
Jadual 5.13	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Tebong	5-60

PERKARA		MUKA SURAT
Jadual 6.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP3	6-1
Jadual 6.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Durian Tunggal	6-4
Jadual 6.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Durian Tunggal	6-6
Jadual 6.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Machap	6-16
Jadual 6.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Machap	6-18
Jadual 7.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP4	7-1
Jadual 7.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Belimbing	7-4
Jadual 7.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Belimbing	7-6
Jadual 7.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Beringin	7-14
Jadual 7.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Beringin	7-16
Jadual 7.6	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Malaka Pindah	7-26
Jadual 7.7	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Malaka Pindah	7-28
Jadual 7.8	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Parit Melana	7-38
Jadual 7.9	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Parit Melana	7-40
Jadual 7.10	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Rembia	7-50
Jadual 7.11	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Rumbia	7-52
Jadual 7.12	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Petai	7-62
Jadual 7.13	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungai Petai	7-64
Jadual 8.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP5	8-1
Jadual 8.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Ayer Pa'abas	8-4
Jadual 8.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Ayer Pa'abas	8-6
Jadual 8.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Lendu	8-16
Jadual 8.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Lendu	8-18
Jadual 8.6	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Masjid Tanah	8-28
Jadual 8.7	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Masjid Tanah	8-30
Jadual 8.8	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Baru Ulu	8-40
Jadual 8.9	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Baru Ulu	8-42
Jadual 9.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP6	9-1
Jadual 9.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Brisu	9-4
Jadual 9.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Brisu	9-6
Jadual 9.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Melekek	9-14
Jadual 9.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Melekek	9-16
Jadual 9.6	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Ramuan China Besar	9-26
Jadual 9.7	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Ramuan China Besar	9-28
Jadual 9.8	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Ramuan China Kechil	9-36
Jadual 9.9	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Ramuan China Kechil	9-38
Jadual 9.10	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Buloh	9-46

PERKARA		MUKA SURAT
Jadual 9.11	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Buloh	9-48
Jadual 9.12	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Petai	9-56
Jadual 9.13	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungai Siput	9-58
Jadual 9.14	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Taboh Naning	9-66
Jadual 9.15	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Taboh Naning	9-68
Jadual 10.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP7	10-1
Jadual 10.2	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kuala Linggi	10-6
Jadual 10.3	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kuala Linggi	10-8
Jadual 10.4	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kuala Sungei Baru	10-22
Jadual 10.5	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Kuala Sungei Baru	10-24
Jadual 10.6	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Baru Ilir	10-34
Jadual 10.7	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Baru Ilir	10-36
Jadual 10.8	Matriks Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Baru Tengah	10-48
Jadual 10.9	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Mukim Sungei Baru Tengah	10-50
Jadual 11.1	Perincian Zon Guna Tanah 2035, BP8	11-1
Jadual 11.2	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan 3 Batu Nautika	11-4

01

PENGENALAN

Bab 1 mengandungi huraian mengenai kandungan dan struktur dokumen Jilid 2 (Zon Guna Tanah 2035, Intensiti Pembangunan 2035 dan Parameter Utama Kawalan Pemajuan) serta kaedah pemakaian Jilid 2. Jilid 2 ini perlu dibaca bersama dengan Jilid 1 (Strategi dan Cadangan Pembangunan) bagi memudahkan pemahaman dan meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan cadangan RT.



Majlis Perbandaran Alor Gajah
@ Imej oleh APUDG, 2021

1.1 Dokumen Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah (RTMPAG) 2035 (Penggantian) disediakan di bawah peruntukan subseksyen 16(1) dan subseksyen 16(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). RT ini diguna pakai bagi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah meliputi keluasan 78,881.92 hektar iaitu merangkumi daratan dan kawasan 3 batu nautika dari persisiran pantai. RT ini mengandungi tiga (3) jilid seperti perincian Rajah 1.1.

Rajah 1.1 : Dokumen Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

JILID 1



STRATEGI DAN CADANGAN PEMBANGUNAN

Jilid 1 merupakan dokumen yang memperincikan visi, strategi dan cadangan utama bagi tujuan pelaksanaan RTMPAG 2035 (Penggantian) sehingga tahun 2035. Ini termasuk perincian hala tuju pembangunan dan teras pembangunan yang bersesuaian. Cadangan projek keutamaan turut diketengahkan terutama yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi, sosial dan fizikal serta pengekalan/pemuliharaan aset semula jadi dan warisan.

JILID 2



ZON GUNA TANAH DAN PARAMETER UTAMA KAWALAN PEMAJUAN

Jilid 2 merupakan dokumen yang memperincikan aspek-aspek kawalan pemajuan yang terdiri daripada cadangan Zon Guna Tanah 2035, Intensiti pembangunan 2035 (kawalan kepadatan melalui densiti, nisbah plot dan ketinggian) dan parameter utama kawalan pemajuan dalam menilai sama ada sesuatu cadangan pembangunan itu boleh dipertimbangkan untuk kelulusan kebenaran merancang. Parameter utama kawalan pemajuan ini turut berperanan sebagai garis panduan khusus bagi membantu kawalan pemajuan masa hadapan.

JILID 3



PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Jilid 3 mengandungi cadangan pengurusan dan pelaksanaan RT yang merangkumi senarai projek dan program, agensi pelaksana, anggaran kos dan fasa pelaksanaan projek dan program pembangunan. Laporan ini bertujuan memudah cara pembangunan melalui perincian kaedah pelaksanaan dan kolaborasi agensi teknikal berkaitan.

LAPORAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Laporan ini merangkumi maklumat geospatial penyediaan RT yang distrukturkan dalam satu pangkalan data berpandukan kepada format metadata dalam Manual Penyediaan GIS yang disediakan oleh PLANMalaysia. Maklumat ini digunakan untuk mengurus maklumat perancangan dengan mudah.

1.2 Pengenalan Laporan Jilid 2 RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Laporan Jilid 2 ini disediakan adalah untuk mengatur, mengawal, menyelaras dan menguruskan penggunaan dan pemajuan tanah secara fizikal melalui prosedur dan proses kawalan pemajuan mengikut peruntukan Akta 172.

Dokumen ini menjadi rujukan dan panduan bagi pihak yang ingin menjalankan pembangunan atau memajukan tanah dan juga sebagai panduan dalam proses pembangunan. Objektif dokumen ini adalah:

i. Menterjemahkan cadangan projek dan program mengikut teras di dalam RTMPAG 2035 (Penggantian) ini ke dalam bentuk spatial pada lot-lot tanah;

ii. Menghasilkan rangka kerja perancangan yang fleksibel agar dapat memenuhi keperluan pembangunan yang dinamik di samping menjaga kepentingan komuniti: dan

iii. Menjadi asas rujukan dan panduan bagi parameter utama kawalan pemajuan dari segi zon-zon yang terdapat dalam cadangan aktiviti guna tanah, guna bangunan, pelesenan dan intensiti pembangunan.

Prinsip yang digunakan dalam membentuk Parameter Utama Kawalan Pemajuan adalah:

i. Menggalakkan pertumbuhan yang mampan dengan meningkatkan kualiti alam bina serta memberi penekanan terhadap keperluan awam yang selamat dan selesa;

ii. Integrasi perancangan guna tanah dengan mengoptimumkan intensiti pembangunan melalui kepadatan, nisbah plot dan kawalan ketinggian;

iii. Integrasi alam sekitar dengan perancangan spatial dan pada masa yang sama melindungi kawasan sensitif alam sekitar (KSAS); dan

iv. Pengezonan guna tanah yang sesuai dengan karakter dan keperluan komuniti tempatan.

Pembangunan akan dibenarkan tertakluk kepada perancangan dengan mematuhi Zon Guna Tanah 2035, Intensiti Pembangunan 2035 dan Parameter Utama Kawalan Pemajuan akan membantu dalam proses Kebenaran Merancang, tertakluk kepada keperluan teknikal MPAG dan agensi teknikal berkaitan serta selaras dengan garis panduan dan dasar-dasar terkini yang berkuat kuasa.

Jilid 2 ini perlu dibaca bersama dengan Jilid 1 (Strategi dan Cadangan Pembangunan) bagi memudahkan pemahaman dan meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan cadangan RT.

Dataran Keris, Alor Gajah
@ Imej oleh APUDG, 2021

1.3 Kandungan Laporan Jilid 2 RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)


Jilid 2 mengandungi 11 bab dengan perincian seperti berikut:

Rajah 1.2 : Struktur Kandungan Laporan Jilid 2

Bab 1	Pengenalan
Bab 2	Zon Guna Tanah 2035 dan Intensiti Pembangunan 2035
Bab 3	Parameter Utama Kawalan Pemajuan
Bab 4	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 1
Bab 5	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 2
Bab 6	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 3
Bab 7	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 4
Bab 8	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 5
Bab 9	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 6
Bab 10	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 7
Bab 11	Kawalan Pemajuan Blok Perancangan 8

Zon Guna Tanah 2035:

Memperincikan perihal guna tanah dalam bentuk peta Zon Guna Tanah 2035. Ia bertujuan untuk memberi panduan berkenaan jenis pembangunan yang dibenarkan bagi setiap lot tanah dalam kawasan MPAG. Peta Zon Guna Tanah 2035 mesti dibaca bersama dengan Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan untuk memahami sepenuhnya aktiviti yang dibenarkan, dibenarkan dengan syarat dan keperluan atau syarat untuk permohonan pembangunan (perincian disediakan di Bab 2).



Intensiti Pembangunan 2035:


Panduan khusus mengenai intensiti pembangunan di setiap lot tanah. Intensiti yang ditetapkan terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu kepadatan atau densiti, nisbah plot dan ketinggian tingkat (perincian disediakan di Bab 2).


Setiap lot yang dizonkan sebagai perumahan, perumahan kampung, komersial dan industri hanya tertakluk kepada satu (1) jenis intensiti pembangunan.

Parameter Utama Kawalan Pemajuan:

Disediakan dengan kawalan pemajuan yang perlu dipatuhi apabila sesuatu pembangunan ingin dijalankan yang merangkumi (perincian di bab 3):

i. Zon Pemeliharaan Alam Sekitar : melindungi aset semula jadi seperti biologi, sejarah dan warisan, geologi, kawasan bekalan air bersih, kawasan badan air dan kawasan sumber makanan.
ii. Zon Ternakan Sensitif : melindungi kawasan persekitaran aktiviti ternakan atau kawasan yang memberi risiko kepada kawasan sekitarnya.
iii. Zon Kawalan Keselamatan : kawalan ketinggian bangunan sekitar kawasan keselamatan.
iv. Zon Risiko Bencana : indikasi kepada agensi berkaitan dan pemilik tanah untuk menyediakan langkah mitigasi sesuai.
v. Zon Pembangunan Transit : menggalakkan intensiti tinggi di sekitar stesen rel bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam.





1.4 Pembahagian Blok Perancangan

Kawasan RTMPAG 2035 (Penggantian) ini merangkumi 31 mukim dengan keluasan sejumlah 67,317.68 hektar kawasan daratan dan 11,564.24 hektar kawasan 3 batu nautika. Kawasan daratan Tanjung Tuan dan sebahagian kawasan 3 batu nautika adalah termasuk dalam mukim Kuala Linggi. Kawalan pemajuan ini merangkumi keseluruhan kawasan RTMPAG 2035 (Penggantian) merangkumi lapan (8) blok perancangan (BP) (Rajah 1.3) dan 31 blok perancangan kecil (BPK) yang menggunakan sempadan mukim dengan keluasan sejumlah 67,317.68 hektar kawasan daratan dan 11,564.24 hektar kawasan 3 batu nautika. Jadual 1.4 memperincikan senarai BP dan BPK di dalam kawasan RT.

Mukim terluas di kawasan RT adalah mukim Machap dengan keluasan 7,630.77 hektar. Manakala mukim Belimbing pula mempunyai keluasan terkecil iaitu 370.75 hektar. Jadual 1.4 menunjukkan keluasan bagi setiap mukim yang berada di dalam kawasan MPAG.

Jumlah Mukim

31 *mukim di kawasan RT termasuk kawasan daratan dan kawasan perairan Tanjung Tuan.*

Keluasan Kawasan RT

67,317.68 *hektar kawasan daratan**

11,564.24 *hektar kawasan 3 batu nautika (termasuk perairan Tanjung Tuan)*

78,881.92 *hektar jumlah keluasan kawasan RT*

Tanjung Tuan

88.90 *hektar kawasan daratan***

1,207.14 *hektar kawasan perairan 3 batu nautika****

Mukim Terluas

Mukim Machap

7,630.77 *hektar*

Mukim Terkecil

Mukim Belimbing

370.75 *hektar*

Nota:

* *Tidak termasuk kawasan seluas 3,500.19 hektar di mukim Durian Tunggal yang berada di bawah pentadbiran MPHTJ.*

** *Keluasan kawasan daratan Tanjung Tuan adalah berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh MPAG dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Alor Gajah.*


*** *Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur daripada pihak JUPEM.*

Jadual 1.2: Keluasan Setiap Mukim di Kawasan RTMPAG 2035 (Penggantian)

Blok Perancangan	Nama Mukim	Keluasan (hektar)	Peratus (%)
BP 1 3,860.61 hek 4.89%	Kelemak	1,926.50	2.44
	Pegoh	1,934.11	2.45
BP 2 10,752.65 hek 13.63%	Gadek	1,500.19	1.90
	Kemuning	2,587.87	3.28
	Padang Sebang	854.66	1.08
	Pulau Sebang	1,857.14	2.35
	Tanjong Rimau	537.94	0.68
	Tebong	3,414.85	4.33
BP 3 9,151.34 hek 11.60%	Durian Tunggal*	1,520.57	1.93
	Machap	7,630.77	9.67
BP 4 7,338.79 hek 9.30%	Belimbing	370.75	0.47
	Beringin	405.84	0.51
	Malaka Pindah	2,479.62	3.14
	Parit Melana	634.58	0.80
	Rembia	1,667.08	2.11
	Sungei Petai	1,780.92	2.26
BP 5 11,250.04 hek 14.26%	Ayer Pa'abas	2,973.04	3.77
	Lendu	2,717.90	3.45
	Masjid Tanah	1,979.01	2.51
	Sungei Baru Ulu	3,580.09	4.54
BP 6 11,677.85 hek 14.80%	Brisu	1,475.15	1.87
	Melekek	909.60	1.15
	Ramuan China Besar	1,958.72	2.48
	Ramuan China Kechil	1,376.00	1.74
	Sungei Buloh	820.76	1.04
	Sungei Siput	1,957.16	2.48
	Taboh Naning	3,180.46	4.03
BP 7 13,286.40 hek 16.84	Kuala Linggi	6,105.40	7.74
	Kuala Sungei Baru	1,152.27	1.46
	Sungei Baru Ilir	3,846.89	4.88
	Sungei Baru Tengah	2,181.84	2.77
BP 8 11,564.24 hek 14.66%	3 Batu Nautika	11,564.24	14.66
Jumlah		**78,881.92**	**100.00**

Sumber: *i. PLANMalaysia@Melaka, 2021*
ii. Jabatan Ukur dan Pemetaan Melaka, 2021

*Nota: *Tidak termasuk kawasan seluas 3,500.19 hektar di mukim Durian Tunggal yang berada di bawah pentadbiran MPHTJ.*



RAJAH 1.3 SEMPADAN BLOK PERANCANGAN

PETUNJUK:

Blok Perancangan

- Blok Perancangan 1
- Blok Perancangan 2
- Blok Perancangan 3
- Blok Perancangan 4
- Blok Perancangan 5
- Blok Perancangan 6
- Blok Perancangan 7
- Blok Perancangan 8

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:

- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT



Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.

02

ZON GUNA TANAH 2035 DAN INTENSITI PEMBANGUNAN 2035

Bab 2 mengandungi cadangan Zon Guna Tanah 2035, perincian mengenai Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan serta Intensiti Pembangunan 2035. Cadangan ini penting bagi memastikan pembangunan masa hadapan di daerah Alor Gajah adalah terancang dan menepati keperluan pemeliharaan kawasan sensitif alam sekitar.



Port Supai, Kuala Linggi
@ Imej oleh APUDG, 2021

2.1 Zon Guna Tanah 2035

Zon Guna Tanah 2035 ini perlu dibaca bersama dengan Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan yang disediakan di Bab 4 hingga Bab 11 mengikut Blok Perancangan Kecil (sempadan mukim). Zon Guna Tanah 2035 ini bertindak sebagai rujukan yang akan diguna pakai oleh MPAG dalam memproses permohonan Kebenaran Merancang di bawah subseksyen 21 (1) Akta 172 dan juga semakan oleh pihak yang ingin memajukan tanah di kawasan RT.

RTMPAG 2035 (Penggantian) telah menyediakan cadangan Zon Guna Tanah bagi tempoh perancangan sehingga tahun 2035. Penetapan zon guna tanah ini mengambil kira pelbagai aspek perancangan dan konteks bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi kawasan RT, menyediakan persekitaran kondusif untuk kehidupan berkualiti dan memelihara serta memulihara persekitaran serta alam sekitar dan aset semula jadi ke arah pembangunan yang mampan.

Prinsip pembangunan mampan ditetapkan bertujuan untuk:

i. Meningkatkan dan menyokong pembangunan ekonomi untuk menjana peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan penduduk;

ii. Mengintegrasikan pembangunan zon guna tanah dengan rangkaian pengangkutan; dan

iii. Memeliharan dan memulihara kawasan sensitif alam sekitar.

Zon guna tanah serta kelas penggunaan tanah dan bangunan disediakan bertujuan mengawal dan mengelakkan percanggahan guna tanah yang akan memberi kesan atau gangguan kepada penduduk sekitar. Penyediaan zon guna tanah ini mengambil kira:

i. Isu dan potensi pembangunan;

ii. Projek komited yang telah diluluskan;

iii. Konsep dan strategi pembangunan (Jilid 1); dan

iv. Cadangan pembangunan spatial dan projek (Jilid 1).

Terdapat 11 kategori zon guna tanah yang disediakan bagi RTMPAG 2035 (Penggantian) dengan perincian seperti Rajah 2.1 dan Rajah 2.2. Zon guna tanah bukan tepu bina dan kawasan pantai (serta kawasan 3 batu nautika) merupakan keluasan tertinggi sehingga tahun 2035 iaitu masing-masing dengan 50.40% dan 14.66%. Kawasan ini dikekalkan bertujuan memelihara kawasan sensitif alam sekitar dan menyokong peranan kawasan RT sebagai sumber air utama negeri Melaka. Hanya kawasan berpotensi pembangunan sahaja dizonkan sebagai kawasan tepu bina sehingga tahun 2035. Penerangan Klasifikasi Zon Guna Tanah RTMPAG 2035 (Penggantian) disediakan seperti Jadual 2.1.



Masjid Tanah, Alor Gajah
@ Imej oleh APUDG, 2021

Rajah 2.1: Pecahan Zon Guna Tanah 2035

Zon Guna Tanah Tepu Bina — 27,564.79 hektar | *Darat* 34.94 peratus

	Hektar	
Perumahan	6,323.04	8.02%
Perumahan Kampung	6,973.98	8.84%
Komersial	773.71	0.98%
Industri	2,171.28	2.75%
Institusi & Kemudahan Masyarakat	2,774.89	3.52%
Infrastruktur & Utiliti	1,304.32	1.65%
Tanah Lapang & Rekreasi	334.04	0.42%
Pengangkutan	6,909.53	8.76%

Zon Guna Tanah Bukan Tepu Bina — 39,752.90 hektar | *Darat* 50.40 peratus

	Hektar	
Pertanian	37,080.83	47.01%
Hutan	718.58	0.91%
Badan Air	1,953.48	2.48%

Kawasan 3 Batu Nautika — 11,564.24 hektar | *Laut* 14.66 peratus

Pantai (Termasuk 3 Batu Nautika)	11,564.24	14.66%

Kawasan RTMPAG 2035 — 78,881.92 hektar

Nota:


i. *Kawasan RTMPAG 2035 (Penggantian) meliputi darat dan laut (3 batu nautika);*
ii. *Keluasan mukim Kuala Linggi meliputi kawasan perairan 3 batu nautika (Sumber JUPEM, 2021);*
iii. *Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah secara indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur di pihak JUPEM;*
iv. *Pertambahan Zon Guna Tanah Industri 2035 merangkumi cadangan Kompleks Perkayuan di Kuala Sungga;*
v. *Keluasan hutan tahun 2020 diselaraskan dengan Zon Guna Tanah Institusi dan Kemudahan Masyarakat (Kawasan Operasi Ketenteraan di Kem Tentera Terendak);*
vi. *Pembangunan bercampur adalah komponen di dalam Zon Guna Tanah Komersial;*
vii. *Pertambahan Maklumat Guna Tanah Pembangunan Komited 2018, 2019, 2020 dan Jun 2021. (Sumber PLANMalaysia@Melaka).*

Sumber: Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2035 (Penggantian)

Jadual 2.1 : Klasifikasi Zon Guna Tanah RT Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2035 (Penggantian)

Zon Guna Tanah 2035		Penerangan Ringkas
Perumahan		Kumpulan rumah dan rumah-rumah tempat tinggal.
Perumahan Kampung		Sebuah petempatan tradisi di kawasan desa yang mempunyai ciri-ciri tradisional yang tinggi dari segi sosio budaya dan fizikal.
Komersial		Berkaitan dengan atau bersifat perdagangan yang penting bagi tujuan nilai-nilai ekonomi dan bangunan.
Industri		Perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan dan mengeluarkan produk.
Institusi dan Kemudahan Masyarakat		Aktiviti termasuk institusi kerajaan dan kemudahan masyarakat yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan untuk keperluan orang ramai.
	Pendidikan	Institusi yang menawarkan aktiviti pra pendidikan, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan pendidikan sokongan.
	Kesihatan	Aktiviti kesihatan dan kerja sosial berkaitan dengan penjagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional perubatan terlatih.
	Keagamaan	Bangunan atau premis yang digunakan sebagai tempat ibadat, ceramah agama dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan keagamaan.
	Perkuburan	Tempat bagi aktiviti pengebumian mayat dan aktiviti yang berkaitan mengikut keagamaan.
	Keselamatan	Aktiviti pertahanan negara, keselamatan dan ketenteraman awam.
	Rumah Kebajikan	Bangunan bagi menjalankan aktiviti perkhidmatan rumah kebajikan.
	Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun	Bangunan atau premis untuk kegunaan kerajaan, kedutaan asing dan agensi-agensi berkaitan.
	Kemudahan Awam	Kemudahan yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan bagi keperluan orang ramai.
	Rumah Persatuan / Pertubuhan	Institusi untuk menjalankan aktiviti persatuan.
Infrastruktur dan Utiliti		Keseluruhan kemudahan asas yang perlu bagi pembangunan dan pemajuan
	Bekalan Elektrik	Mana-mana talian bekalan voltan tinggi yang atau voltan amat tinggi bagi menghantar tenaga daripada suatu stesen jana kuasa ke stesen jana kuasa yang lain atau ke pencawang dan termasuklah apa-apa bangunan atau bahagian suatu bangunan yang digunakan berkaitan dengan talian bekalan sedemikian.
	Bekalan Gas/Petroleum	Aktiviti penghantaran, pengangkutan, pengagihan atau penyeliratan gas melalui talian paip.
	Bekalan Air	Berhubung dengan pengagihan atau pembekalan air, ertinya air yang telah dirawat.
	Pengairan dan Perparitan	Kemudahan pengairan dan perparitan.
	Telekomunikasi	Aktiviti yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan aktiviti berkaitan seperti transmisi suara, data, teks, audio dan video.
	Pengurusan Sisa Pepejal	Mana-mana tanah, loji tetap atau bergerak dan sistem yang menggabungkan struktur, kelengkapan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi mengendalikan, menstor, mengasingkan, mengangkut, memindahkan, memproses, mengitar semula, mengolah dan melupuskan sisa pepejal dan termasuklah stesen pemindahan, tapak pelupusan, tambak tanah kebersihan, loji penunu dan loji pengolahan haba lain, loji kitar semula dan loji pengkomposan.
	Pelupusan Sisa Berjadual	Buangan terjadual adalah apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
	Pembetungan	Sistem yang mengandungi pembetungan, paip pelupusan, stesen pengepam atau tempat rawatan kumbahan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, kelengkapan dan pelengkapan lain (selain perpaipan pembetungan dalaman individu, perpaipan pembetungan dalaman bersama atau tangki septik) yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi pengumpulan, pembawaan, pengepaman atau perawatan kumbahan dan enap cemar kumbahan atau pelupusan efluen kumbahan terawat atau enap cemar kumbahan terawat.
	Empangan	Tambak untuk menahan arus atau aliran air (untuk sesuatu keperluan supaya tidak terjadi banjir), bendung, tebat, dibina untuk bekalan air dan menahan air bagi mengeluarkan kuasa elektrik.
	Rizab Utiliti	Rizab utiliti lain.
Tanah Lapang dan Rekreasi		Kawasan lapang, zon penampan dan kemudahan rekreasi yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan.
Pengangkutan		Infrastruktur berkenaan pembawaan (barang-barang dll.) dari satu tempat ke tempat lain.
Pertanian		Pertanian termasuk hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran atau pokok.
	Tanaman	Penanaman pokok-pokok yang ditanam bagi maksud mendapatkan hasil.
	Penternakan	Penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan kecuali haiwan akuatik.
	Akuakultur	Proses pengeluaran melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semula jadi.
Hutan	Hutan Simpanan Kekal	Mana-mana tanah (tanah berhutan dan tidak berhutan) yang diwartakan atau disifatkan telah dijadikan sebagai hutan simpanan kekal untuk tujuan perhutanan di bawah Seksyen 7, 8 dan 9 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).
	Kawasan Berhutan	Tanah yang meliputi kawasan melebihi 0.5 hektar dengan mempunyai pokok-pokok berketinggian melebihi 5 meter dan litupan kanopi/silara melebihi 10%, atau pokok-pokok yang mampu mencapai had-had di atas secara in-situ.
Pantai		Laut (3 batu nautika) dan jaluran tanah semula jadi yang berhubung secara langsung dengan laut yang termasuk antara zon garisan air pasang rendah dan tinggi.
Badan Air		Kawasan di mana air menutup permukaan bumi secara semula jadi atau buatan manusia.

Sumber : Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0



RAJAH 2.2: ZON GUNA TANAH 2035

PETUNJUK:

Zon Guna Tanah 2035

- Perumahan
- Perumahan Kampung
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Infrastruktur dan Utiliti
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Pertanian
- Skim Padi
- Hutan
- Pantai
- Badan Air

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Cadangan Jalan Baru (Indikatif)
- Cadangan Persimpangan (WCE)

Sempadan:

- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Sempadan Bandar/Pekan
- Rizab Orang Asli



Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.
3. Sebarang perubahan terhadap susun atur dan garis lot di dalam pelan tidak merubah Zon Guna Tanah 2035 dan tertakluk kepada dasar/garis panduan/enakmen yang berkuatkuasa.

2.2 Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan

Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan adalah sebahagian alat kawalan pemajuan yang mesti dibaca bersama Peta Zon Guna Tanah 2035. Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan memperincikan jenis guna tanah dan bangunan yang dibenarkan dan dibenarkan dengan syarat di dalam setiap zon guna tanah.

Aktiviti guna tanah dan bangunan adalah dikawal bagi tujuan memastikan keseragaman antara aktiviti utama dan sampingan serta dengan persekitaran sekeliling agar keselesaan penduduk terjamin dan tiada gangguan seperti pencemaran alam sekitar, aktiviti sosial dan lain-lain kacau ganggu.

Pematuhan kepada Zon Guna Tanah 2035 serta Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan akan membolehkan kebenaran merancang diberi kelulusan sama ada secara mutlak atau bersyarat. Sekiranya kebenaran merancang diberikan, kegunaan tersebut mesti mematuhi syarat-syarat kebenaran merancang dan tukar kegunaan yang dikenakan.

Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan RTMPAG 2035 (Penggantian) terbahagi kepada empat (4) kolum iaitu:

i. Kolum 1 dan 2 – Guna tanah utama dan kelas kegunaan dibenarkan;
ii. Kolum 3 – Kelas kegunaan tanah yang dibenarkan dengan syarat yang mengandungi guna tanah sokongan dan kelas penggunaan; dan
iii. Kolum 4 – Lain-lain keperluan tambahan oleh MPAG atau agensi teknikal berkaitan.

Jadual 2.2 : Format Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Bagi Setiap Blok Perancangan Kecil (Sempadan Mukim)

Kolum 1	Kolum II	Kolum III		Kolum IV
Guna Tanah	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Lain Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Catatan
Guna Tanah Utama	Guna Tanah Aktiviti dan Intensiti Pembangunan yang Dibenarkan	Aktiviti	Syarat	
Kolum yang menunjukkan zon guna tanah di atas sepertimana yang dipaparkan di dalam Peta Zon Guna Tanah RTMPAG 2035 (Penggantian)	Kolum yang menunjukkan aktiviti kegunaan tanah yang dibenarkan bagi zon guna tanah yang dipaparkan.	Kolum ini menyatakan guna tanah sokongan lain yang dibenarkan bersyarat bagi menyokong zon guna tanah utama di dalam Kolum II. Dinyatakan juga intensiti pembangunan (kepadatan, nisbah plot dan bilangan tingkat) yang dibenarkan.		Lain-lain keperluan tambahan yang diperlukan oleh pihak MPAG atau agensi lain yang berkaitan

Permohonan tukar jenis penggunaan adalah dibenarkan berdasarkan faktor berikut:

i. Tidak melibatkan perubahan matan;
ii. Tidak melibatkan kacau ganggu; dan
iii. Meningkatkan mutu atau kualiti alam sekitar.

Seandainya sesuatu aktiviti tersebut tidak termasuk dalam mana-mana kategori penggunaan tanah dan bangunan, pihak MPAG berhak menolak permohonan tersebut.

Jadual 2.3 : Kategori Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
A. PERUMAHAN	A1 : Perumahan Strata	a. Rumah Berbilang Tingkat b. Rumah Bandar *(Townhouse)* c. Sesebuah d. Berkembar e. Teres f. Kluster g. Perumahan Strata Lain
	A2 : Perumahan Bukan Strata	a. Sesebuah b. Berkembar c. Teres d. Kluster e. Kuarters Kerajaan : Sesebuah atau Teres atau Berbilang Tingkat f. Perumahan Bukan Strata Lain g. 'Home Office'
B. PERUMAHAN KAMPUNG	a. Kampung Tersusun b. Petempatan Tanah Rancangan FELDA atau FELCRA atau RISDA c. Kampung Baru d. Kampung Tradisional e. Kampung Orang Asli f. Petempatan Estet g. Perumahan Kampung Lain	a. Sesebuah
C. KOMERSIAL	C1 : Teres a. Kedai b. Rumah Kedai c. Kedai Pejabat	a. Barang Keperluan Harian b. Produk Makanan dan Minuman c. Peralatan Rumah atau Pejabat d. Barangan Peribadi e. Keperluan Pendidikan atau Buku atau Alat Tulis f. Peralatan Komunikasi dan Maklumat g. Peralatan Kenderaan h. Peralatan atau Produk Pertanian i. Peralatan dan Bahan Binaan j. Peralatan Pengebumian k. Keperluan Pendidikan atau Buku atau Alat Tulis l. Karaoke Keluarga m. Galeri Seni n. Pusat Snuker o. Studio Hiburan p. Internet Café q. Pusat Gimnasium atau Aerobik r. Kedai Kek dan Roti s. Restoran atau Kafe atau Bistro t. Restoran Makanan Segera u. Bank v. Syarikat Insurans atau Kewangan w. Pusat Rawatan Tradisional atau Alternatif x. Klinik Swasta y. Klinik Haiwan z. Persatuan atau NGO aa. Pusat Latihan bb. Pusat Perkhidmatan Dialisis cc. Pusat Fisioterapi dd. Perkhidmatan Profesional ee. Agensi Perkhidmatan Awam atau Swasta
	C2 : Berkembar a. Kedai b. Rumah Kedai c. Kedai Pejabat	
C. KOMERSIAL *(sambungan)*		ff. Pameran atau Jualan Kenderaan gg. Dobi hh. Kedai Jahit ii. Pusat Persolekan atau Rawatan Kecantikan jj. Kedai Gunting Rambut dan Mendandan Rambut kk. Spa ll. Kedai atau Studio Gambar mm. Perkhidmatan Baik Pulih Barangan Isi Rumah nn. Kedai Cermin Mata oo. Pajak Gadai pp. Mencuci Kereta qq. Perkhidmatan Servis Kereta/Motosikal (Tidak Melibatkan Pencemaran) rr. Hostel atau Asrama ss. Motel atau Hotel Bajet tt. Barangan Kemas uu. Kedai Fotokopi dan Percetakan vv. Kedai Perabot ww. Farmasi xx. Taska yy. Tadika zz. Pusat Penjagaan Kanak-kanak aaa. Pusat Transit bbb. Pusat Tuisyen
	C3 : Sesebuah	a. Rumah Kedai b. Kedai Pejabat *c. Hypermarket* *d. Superstore* e. Kompleks Perniagaan *f. Supermarket* g. Pangsapuri Perkhidmatan h. Hotel i. Kemudahan Penginapan j. Pejabat k. Restoran l. Arked/Bazar m. Gerai Statik atau Medan Selera n. Pasar Borong o. Pasar Basah dan Kering p. Stesen Minyak
	C4 : Pembangunan Bercampur	a. Pembangunan Penggunaan Bercampur Menegak (*Vertical*)
	C5 : Kegunaan Khusus	a. Pendidikan dan Penyelidikan Swasta b. Kesihatan Swasta c. Kemudahan Swasta d. Kemudahan Sukan dan Rekreasi e. Perkuburan Swasta f. Pusat Penjagaan Swasta g. Tempat Letak Kenderaan Swasta h. Rumah Persatuan/Pertubuhan Swasta i. Tapak Bazar j. Asrama k. Agropelancongan
	C6 : Rumah Pekerja	a. Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) b. Rumah Pekerja c. Penginapan Pekerja Asing

Jadual 2.3 : Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan (samb..)

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
D. INDUSTRI	D1 : Bukan Taman Perindustrian	a. Pengumpulan Produk Hasil Hutan b. Pengekstrakan Petroleum Mentah dan Gas Asli c. Pembuatan Produk Makanan d. Pembuatan Minuman e. Pembuatan Produk Tembakau f. Pembuatan Tekstil g. Pembuatan Pakaian h. Pembuatan Produk Kulit i. Pembuatan Kayu, Produk Kayu dan Gabus j. Pembuatan Kertas dan Produk Kertas k. Percetakan dan Penerbitan Media Rakaman l. Pembuatan Berasaskan Produk Petroleum Bertapis m. Pembuatan Kimia dan Produk Kimia n. Pembuatan Produk Farmaseutikal Asas, Kimia Perubatan dan Botani o. Pembuatan Produk Getah dan Plastik p. Pembuatan Kaca dan Produk Kaca q. Pembuatan Produk Mineral r. Pembuatan Logam dan Produk Logam s. Pembuatan Komputer, Produk Elektronik dan Optikal t. Pembuatan Kelengkapan Elektrik u. Pembuatan Jentera dan Peralatan v. Pembuatan Kenderaan Bermotor, Treler dan Semi Treler w. Pembuatan Kelengkapan Pengangkutan Lain x. Pembuatan Perabot y. Pembuatan Lain z. Pembaikan, Pemasangan Mesin dan Kelengkapan aa. Perkapalan/Marin bb. Pemprosesan Barang Kitar Semula cc. Desa
	D2 : Taman Perindustrian	a. Pengumpulan Produk Hasil Hutan b. Pengekstrakan Petroleum Mentah dan Gas Asli c. Pembuatan Produk Makanan d. Pembuatan Minuman e. Pembuatan Produk Tembakau f. Produk Tekstil g. Pembuatan Pakaian h. Pembuatan Produk Kulit i. Pembuatan Kayu, Produk Kayu dan Gabus j. Pembuatan Kertas dan Produk Kertas k. Percetakan dan Penerbitan Media Rakaman l. Pembuatan Berasaskan Produk Petroleum Bertapis m. Pembuatan Kimia dan Produk Kimia n. Pembuatan Produk Farmaseutikal Asas, Kimia Perubatan dan Botani o. Pembuatan Produk Getah dan Plastik
D. INDUSTRI *(sambungan)*		p. Pembuatan Kaca dan Produk Kaca q. Pembuatan Produk Mineral r. Pembuatan Logam dan Produk Logam s. Pembuatan Komputer, Produk Elektronik dan Optikal t. Pembuatan Kelengkapan Elektrik u. Pembuatan Jentera dan Peralatan v. Pembuatan Kenderaan Bermotor, Treler dan Semi Treler w. Pembuatan Kelengkapan Pengangkutan Lain x. Pembuatan Perabot y. Pembuatan Lain z. Pembaikan, Pemasangan Mesin dan Kelengkapan aa. Perkapalan/Marin bb. Pemprosesan Barang Kitar Semula Kenderaan bermotor dan berjentera
	D3 : Perlombongan/ Pengkuarian	a. Perlombongan b. Kuari
	D4 : Rumah Pekerja	a. Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) b. Rumah Pekerja

Jadual 2.3 : Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan (samb.)

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
E. INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	E1 : Pendidikan	a. Taska b. Tadika c. Sekolah Rendah d. Sekolah Menengah Kebangsaan e. Sekolah Bersepadu atau Model Khas f. Sekolah Pendidikan Khas g. Institut Pengajian Tinggi atau Kolej atau Politeknik atau Institut Perguruan h. Kemudahan Pendidikan Lain i. Sekolah Rendah Agama j. Sekolah Menengah Agama k. Maahad Tahfiz l. Kolej Vokasional m. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) n. Pusat Latihan Teknikal dan Vokasional o. Sekolah Wawasan p. Sekolah Berasrama Penuh q. Asrama
	E2 : Kesihatan	a. Hospital b. Klinik Kesihatan atau Poliklinik c. Klinik Desa d. Klinik Ibu dan Anak e. Klinik Komuniti f. Klinik Gigi g. Kemudahan Kesihatan Lain
	E3 : Keagamaan	a. Surau b. Masjid c. Kuil d. Tokong e. Gereja f. Kemudahan Keagamaan Lain g. Wat h. Gurdwara
	E4 : Perkuburan	a. Perkuburan Islam b. Perkuburan Cina c. Perkuburan Hindu atau Sikh atau Bahai d. Perkuburan Kristian e. Krematorium atau Dewan Pengurusan Mayat f. Kolabarium g. Perkuburan Lain
E. INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT *(sambungan)*	E5 : Keselamatan	a. Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) b. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) c. Balai Polis d. Balai Polis Komuniti atau Pondok Polis e. Balai Bomba dan Penyelamat f. Pusat Latihan Tentera atau Polis atau Bomba atau Rela atau APMM atau Kastam atau KPDNKK atau JPJ g. Kem Tentera h. Penjara atauPusat Tahanan Sementara i. Depot Tahanan Imigresen atau Khas j. Cure & Care Vocational Centre (CCVC) k. Keselamatan Lain l. Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri m. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia n. Padang Lapang Sasar
	E6 : Rumah Kebajikan	a. Rumah Anak Yatim b. Rumah Warga Emas c. Rumah Orang Kelainan Upaya d. Pusat Pemulihan Akhlak e. Rumah Kebajikan Lain f. Pusat Transit Gelandangan
	E7 : Kegunaan Kerajaan/ Badan Berkanun	a. Istana b. Muzium c. Galeri atau Memorial d. Pejabat Kerajaan atau Agensi Kerajaan e. Mahkamah f. Badan Berkanun g. Kegunaan Kerajaan atau Badan Berkanun Lain h. Institut Latihan i. Stesen Kaji Cuaca
	E8 : Kemudahan Awam	a. Dewan Serbaguna Awam b. Dewan Orang Ramai c. Balai Raya atau Pusat Komuniti d. Perpustakaan e. Tandas Awam f. Kemudahan Awam Lain
	E9 : Rumah Persatuan atau Pertubuhan	a. Rumah Persatuan atau Pertubuhan b. Bomba Sukarela

Jadual 2.3 : Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan (samb..)

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
F. TANAH LAPANG DAN REKREASI	F1 : Tanah Lapang	a. Taman Bandaran b. Taman Tempatan c. Kejiranan d. Padang Permainan e. Lot Permainan f. Tanah Lapang Lain
	F2 : Kemudahan Sukan dan Rekreasi	a. Stadium b. Kompleks Sukan c. Kompleks Renang d. Kemudahan Sukan dan Rekreasi Lain
	F3 : Kawasan Hijau	a. Zon Penampan b. Kawasan Hijau Lain
G. PENGANGKUTAN	G1 : Pengangkutan Darat	a. Terminal atau Stesen Teksi b. Terminal atau Stesen Bas c. Terminal atau Stesen Keretapi atau Rel d. Terminal Pengangkutan Bersepadu e. Depoh Bas f. Depoh Keretapi atau Rel g. Depoh Lori atau Jentera Berat h. Pelabuhan Darat i. Landasan Keretapi atau Rel j. Tempat Letak Kenderaan k. Pengangkutan Darat Lain
	G2 : Pengangkutan Air	a. Jeti b. Pengangkutan Air Lain
	G3 : Pengangkutan Udara	a. Pengangkutan Udara Lain
	G4 : Jalan	a. Lebuhraya b. Jalan Persekutuan c. Jalan Negeri d. Jalan Bandaran e. Jalan Lain
H. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	H1 : Bekalan Elektrik	a. Laluan Rentis 500 kv b. Laluan Rentis 275 kv c. Laluan Rentis 132 kv d. Laluan Rentis 66 kv e. Laluan Rentis 33 kv f. Loji Janakuasa Gas atau Fosil g. Loji Janakuasa Hidro h. Pencawang Masuk Utama (PMU) i. Pencawang Pembahagi Utama (PPU) j. Pencawang Elektrik (PE) k. Bekalan Elektrik Lain l. Loji Janakuasa Arang Batu m. Loji Janakuasa Kincir Angin
	H2 : Bekalan Gas dan Petroleum	a. Laluan Paip Gas (PGU I, PGU II, PGU III) b. City Gates c. Stesen Pengagih Gas d. Bekalan Gas dan Petroleum Lain
	H3 : Bekalan Air	a. Paip Pengaliran Air Antara Negara, Negeri atau Daerah b. Loji Rawatan Air c. Takat Pengambilan Air d. Rumah Pam Bekalan Air e. Tangki Air f. Bekalan Air Lain
	H4 : Pengairan dan Perparitan	a. Kolam Takungan b. Stesen Pam c. Saliran Pertanian d. Rangkaian Sistem Perparitan e. Pengairan dan Perparitan Lain f. Benteng Pemecah Ombak g. Tali Air dan Jalan
	H5 : Telekomunikasi	a. Satelit Bumi b. Stesen VSAT c. Stesen Radio Selular d. Bangunan Ibu Sawat e. Stesen Bukit f. Stesen Radio g. Menara Radar atau Antena h. IT Hub i. Menara Pemancar Telekomunikasi j. Rizab Telekomunikasi k. Telekomunikasi Lain

Jadual 2.3 : Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan (samb..)

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
H. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI *(sambungan)*	H6 : Pelupusan Sisa Pepejal	a. Pusat Rawatan Sisa Pepejal b. Pusat Pemindahan Sisa Pepejal c. Insinerator (Termaplant) d. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari e. Tapak Pusat Pengumpulan atau Pemindahan f. Pusat Kitar Semula g. Pelupusan Sisa Pepejal Lain h. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukan Sanitari i. Tapak Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu j. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal yang Telah Ditutup
	H7 : Buangan Terjadul	a. Pusat Pengurusan Bahan Kimia atau Bahan Berbahaya b. Pusat Pengurusan Sisa Klinikal c. Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif d. Buangan Terjadual Lain
	H8 : Pembetungan	a. Loji Rawatan Kumbahan b. Stesen Pam Rangkaian c. Kolam Oksidasi d. Pembetungan Lain
	H9 : Empangan	a. Struktur Empangan
	H10 : Rizab Utiliti	a. Rizab Utiliti

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
I. PERTANIAN	I1 : Tanaman	a. Kelapa sawit b. Getah c. Padi d. Kelapa e. Dusun buah-buahan f. Teh g. Koko h. Kopi i. Sagu j. Tebu k. Pisang l. Nenas m. Tembakau n. Lada Hitam o. Sayur-sayuran p. Ubi Kayu q. Tanaman Kontan r. Rempah Ratus s. Tanaman Herba t. Mengkuang u. Tanaman Berumbi v. Tanaman Bijirin w. Bunga x. Pertanian Campuran y. Tanah dibersihkan untuk Tanaman Semula z. Tanah tidak diusahakan aa. Tanaman Lain bb. Jagung cc. Tembikai dd. Betik ee. Rumbia ff. Ciku gg. Duku atau Langsat atau Dokong hh. Salak ii. Rambutan jj. Pulasan kk. Cempedak ll. Pertanian Bandar mm. Limau nn. Mangga oo. Mandarin pp. Nangka qq. Durian Belanda rr. Jambu ss. Buah Naga tt. Durian uu. Longan vv. Belimbing ww. Manggis xx. Padang Ragut
	I2 : Penternakan	a. Lembu atau Kerbau b. Kambing atau Biri-Biri c. Ayam d. Itik e. Angsa f. Burung g. Penternakan Lain
	I3: Akuakultur	a. Ikan b. Udang c. Akuakultur Lain

Jadual 2.3 : Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan (samb..)

Guna Tanah Utama	Kelas Penggunaan Tanah Yang Dibenarkan	Aktiviti / Bangunan / Ciri-ciri Fizikal Yang Dibenarkan
J. HUTAN	J1 : Hutan Simpanan Kekal	a. Hutan Darat b. Hutan Paya Gambut c. Hutan Paya Laut d. Ladang Hutan
	J2 : Hutan Tanah Kerajaan	a. Hutan Darat b. Hutan Paya Gambut c. Hutan Paya Laut d. Ladang Hutan
	J3 : Kawasan Berhutan	a. Kawasan Berhutan
K. BADAN AIR	K1 : Semula Jadi	a. Sungai b. Tasik c. Paya atau Tanah Bencah d. Lagun e. Laut f. Badan Air Semula Jadi Lain
	K2 : Buatan	a. Lombong atau Bekas Lombong b. Tasik c. Tasik Empangan d. Badan Air Buatan Lain
L. Pantai	L1 : Semula Jadi	a. Pantai Berpasir b. Pantai Berbatu c. Pantai Berlumpur d. Pantai Semula Jadi Lain
	L2 : Buatan	a. Kawasan Tambakan b. Pantai Buatan Lain

2.3 Intensiti Pembangunan 2035

Penetapan intensiti pembangunan merupakan asas penting dalam mengawal dan menentukan kepadatan sesebuah kawasan agar seimbang dengan penyediaan infrastruktur dan kemudahan lain serta dapat memelihara kawasan sensitif alam sekitar. Intensiti pembangunan adalah tertakluk kepada syarat-syarat pematuhan keperluan teknikal yang ditetapkan MPAG dan agensi teknikal berkaitan. RTMPAG 2035 (Penggantian) menyediakan tiga (3) kategori kawalan intensiti pembangunan iaitu:

i. Kawalan kepadatan (densiti) bagi pembangunan kediaman;
ii. Kawalan nisbah plot bagi pembangunan komersial dan industri; dan
iii. Kawalan ketinggian bangunan bagi pembangunan komersial dan industri.

Setiap lot yang terlibat dengan intensiti pembangunan hanya tertakluk kepada satu (1) jenis kawalan intensiti sahaja.

2.3.1 Kawalan Kepadatan (Densiti)

Kepadatan (densiti) digunakan untuk mengira jumlah unit perumahan baharu yang akan dibina di atas sebidang tanah yang dizonkan sebagai guna tanah perumahan dan perumahan kampung bertujuan untuk:

i. Menyediakan pelbagai jenis perumahan bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan dan masyarakat pada masa depan;
ii. Mewujudkan persekitaran perumahan yang lebih berkualiti;
iii. Mewujudkan keharmonian antara pembangunan baharu dengan kawasan kediaman sedia ada; dan
iv. Mengelakkan serakan pembangunan dan memusatkan pembangunan dalam zon yang ditetapkan.

Kepadatan sesebuah kawasan ditetapkan berdasarkan kepada:

i. Ciri-ciri tapak dan karakter kawasan persekitaran;
ii. Keperluan untuk mengawal dan mengekalkan kepadatan sedia ada (bagi pembangunan semula);
iii. Keperluan untuk mewujudkan keseimbangan antara penduduk sesebuah kawasan dengan kapasiti kemudahan dan infrastruktur sedia ada atau yang dirancang;
iv. Keperluan untuk mengekalkan tahap pembangunan dan penduduk yang selamat di kawasan terdapat potensi risiko bencana;
v. Menggalakkan peningkatan jumlah penduduk untuk menyokong perkhidmatan bandar seperti pengangkutan awam, komersial dan kemudahan masyarakat; dan
vi. Menggalakkan pembangunan secara bertumpu d dalam sempadan bandar, pekan dan zon pembangunan transit.

Kawalan kepadatan (densiti) adalah terpakai kepada:
i. Pembangunan baharu di zon guna tanah perumahan; dan
ii. Pembangunan baharu secara isi penuh (*infill)* di zon perumahan sedia ada.

Kategori kepadatan perumahan bagi RTMPAG 2035 (Penggantian) adalah rendah, sederhana, sederhana tinggi dan tinggi (berasaskan kepada jumlah unit per ekar) seperti perincian Jadual 2.4 dan Jadual 2.5.

Jadual 2.4 : Kawalan Kepadatan Zon Perumahan (Unit Per Ekar)

Jenis Kepadatan	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana Tinggi	Tinggi
Kepadatan	Maksimum ≤ 4 unit	Maksimum ≤ 16 unit	Maksimum ≤ 30 unit	Maksimum ≤ 40 unit
	Kawalan kepadatan perumahan (per ekar) merujuk kepada Zon Guna Tanah 2035 iaitu zon perumahan yang ditetapkan di Pelan Intensiti Pembangunan 2035. *Pembangunan mesti tertakluk kepada keperluan yang telah ditetapkan oleh MPAG dan agensi teknikal.*			

Jadual 2.5 : Kawalan Kepadatan Zon Perumahan Kampung (Unit Per Ekar)

Jenis Kepadatan	Rendah	
Kepadatan	4 unit	8 unit
Penerangan Ringkas	≤ 4 unit/ekar bagi kawasan kampung yang berada dalam kawasan kawalan seperti kawasan sensitif alam sekitar (termasuk kawasan bersebelahan empangan dan sungai yang terlibat dengan muka sauk).	≤ 8 unit/ekar bagi kawasan kampung dalam bandar dan terletak di jalan utama.

Selain zon perumahan dan perumahan kampung, sebarang pembinaan rumah di zon pertanian adalah dibenarkan berdasarkan pematuhan kepada peruntukan Seksyen 115 (4) (a) Kanun Tanah Negara 1965.

2.3.2 Kawalan Nisbah Plot

Nisbah plot di kawasan RT disediakan bagi pembangunan di atas tanah yang dizonkan sebagai komersial dan industri bertujuan memastikan skala pembangunan adalah bersesuaian dengan kawasan sekitar.

Kawalan keperluan ruang lantai akan dikenakan untuk zon guna tanah komersial dan industri melalui kawalan nisbah plot. Piawaian nisbah plot menunjukkan perkaitan antara keluasan kasar tapak dengan jumlah luas ruang lantai sesebuah bangunan. Nisbah plot tidak menentukan ketinggian sebuah bangunan dan tempat letak kereta di atas tanah juga tidak diambil kira.

Keperluan menetapkan nisbah plot di kawasan RT adalah untuk:

i. Mewujudkan pembangunan berdaya huni dan mampan dengan mengawal intensiti pembangunan;
ii. Mewujudkan karakter dan identiti zon komersial dan industri di kawasan RT; dan
iii. Mengelakkan berlakunya kesesakan pembangunan tanpa kawalan.

Jadual 2.6 : Nisbah Plot Untuk Zon Guna Tanah Komersial

Hierarki	Lokasi	Nisbah Plot	Catatan
Bandar Utama	Bandar Alor Gajah	1 : 5	*Disediakan mengikut lot (rujuk Pelan Intensiti Pembangunan)*
Bandar Tempatan	Bandar Masjid Tanah	1 : 5	
Bandar Tempatan	Bandar Pulau Sebang	1 : 4	
Bandar Tempatan	Bandar Durian Tunggal	1 : 4	
Pekan	Pekan Simpang Ampat	1 : 3	
Pekan	Pekan Kuala Linggi	1 : 2	
Pekan	Pekan Lubok China	1 : 2	
Pekan	Pekan Pengkalan Balak	1 : 2	
Pekan	Pekan Kuala Sungai Baru	1 : 2	

Jadual 2.7 : Nisbah Plot Untuk Zon Guna Tanah Industri

Lokasi	Nisbah Plot
Industri	1:2

2.3.3 Kawalan Ketinggian Bangunan

Kawalan ketinggian bangunan juga disediakan bertujuan memelihara dan menerapkan rupa bentuk bandar yang menarik dan tersusun tanpa menjejaskan persekitaran sedia ada. Kawalan ketinggian bangunan diberikan kepada zon guna tanah komersial dan industri terutama bagi lot-lot atau kawasan yang berpotensi dibangunkan dengan bangunan berbentuk teres.


Jadual 2.8 : Kawalan Ketinggian Bangunan Untuk Zon Guna Tanah Komersial dan Industri

Kawalan Ketinggian	Lokasi
≤ 1 tingkat	*Disediakan mengikut lot (rujuk Pelan Intensiti Pembangunan)*
≤ 2 tingkat	
≤ 3 tingkat	
≤ 5 tingkat	
≤ 7 tingkat	
≤ 15 tingkat	


2.4 Kawalan Kawasan Liputan (*Plinth)*

Kawasan *plinth* bermaksud sebahagian daripada plot tanah yang diliputi bangunan atau struktur yang berbumbung. Ianya termasuklah kawasan balkoni atau lain-lain tambahan kepada bangunan berkenaan tetapi tidak termasuk bahagian cucur atap. Penentuan kawasan *plinth* bagi sesuatu pembangunan memberi impak kepada reka bentuk bangunan dan menyumbang kepada penyediaan lebih banyak reruang awam dan kawasan hijau serta mengurangkan pembangunan berbentuk blok besar dan dinding menghadap jalan yang akan mewujudkan halangan kepada pejalan kaki. Kawasan *plinth* juga boleh dirujuk sebagai liputan tapak bangunan di atas plot tanah yang biasanya dinyatakan dalam bentuk peratusan.

Kawasan *plinth* bagi pembangunan teras, rumah kedai / kedai pejabat dibenarkan sehingga 100%, tetapi pada paras tanah (*ground floor*) hendaklah menyediakan laluan pejalan kaki yang bebas halangan sekurang-kurangnya 2.5 meter dari sempadan tapak. Bagi kawasan RT, maksimum 60% kawasan *plinth telah* ditetapkan untuk semua pembangunan komersial, industri dan rumah berbilang tingkat.



Ilustrasi perbezaan plinth area dan floor area



RAJAH 2.3 : INTENSITI PEMBANGUNAN, 2035

PETUNJUK:

Densiti
- Rendah(4 unit/ekar)
- Rendah(8 unit/ekar)
- Sederhana Rendah(16 unit/ekar)
- Sederhana Tinggi(30 unit/ekar)
- Tinggi(40 unit/ekar)

Nisbah Plot
- 1 : 2
- 1 : 3
- 1 : 4
- 1 : 5

Ketinggian
- 1 Tingkat
- 2 Tingkat
- 3 Tingkat
- 5 Tingkat
- 7 Tingkat
- 15 Tingkat


Lain-Lain:
- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:
- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Sempadan Bandar/Pekan



Sumber :
1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :
1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



RAJAH 2.4 : INTENSITI PEMBANGUNAN, 2035 (NISBAH PLOT)

PETUNJUK:

Nisbah Plot


- 1 : 2
- 1 : 3
- 1 : 4
- 1 : 5

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:

- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Sempadan Bandar/Pekan




Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



RAJAH 2.5 : INTENSITI PEMBANGUNAN, 2035 (KEPADATAN)

PETUNJUK:

Densiti

- Rendah(4 unit/ekar)
- Rendah(8 unit/ekar)
- Sederhana Rendah(16 unit/ekar)
- Sederhana Tinggi(30 unit/ekar)
- Tinggi(40 unit/ekar)

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:

- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Sempadan Bandar/Pekan




Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



Rajah 2.6 : INTENSITI PEMBANGUNAN 2035 (Ketinggian Bangunan)

PETUNJUK:

Ketinggian


- 1 Tingkat
- 2 Tingkat
- 3 Tingkat
- 5 Tingkat
- 7 Tingkat
- 15 Tingkat

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:

- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Sempadan Bandar/Pekan



Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.

2.5 Garis Panduan Perancangan

Garis Panduan Perancangan ini perlu dirujuk bersama bagi memastikan pembangunan yang dijalankan menepati keperluan yang ditetapkan. Garis panduan ini menjadi rujukan MPAG dalam memproses kebenaran merancang terhadap setiap permohonan yang diterima. Selain itu, garis panduan ini juga menjadi panduan kepada semua agensi teknikal, pemaju dan individu yang terlibat dengan perancangan dan pemajuan di kawasan RT. Senarai garis panduan perancangan yang diguna pakai oleh MPAG adalah seperti Jadual 2.9. Senarai garis panduan ini tertakluk kepada ketetapan pihak kerajaan negeri dan garis panduan yang berkuat kuasa.

Jadual 2.9 : Senarai Garis Panduan Perancangan (GPP) Yang Diguna Pakai di MPAG

GPP 1 : Umum	
1.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka (Edisi 2)
GPP 2 : Garis Panduan Perumahan	
2.	GPP Perumahan Kos Rendah
3.	GPP Perumahan Mampu Milik
4.	GPP Perumahan Bebas
5.	GPP Perumahan Strata Bertanah
GPP 3 : Garis Panduan Perniagaan	
6.	GPP Kedai dan Kedai Pejabat
7.	GPP Perniagaan *Free Standing Building*
8.	GPP Pasaraya
9.	GPP Bangunan Penginapan
10.	GPP Stesen Minyak
11.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Penggunaan Bercampur Menegak *(Vertical)* di Zon Komersial
GPP 4 : Garis Panduan Perindustrian	
12.	GPP Piawaian Umum Zon Perindustrian
13.	GPP Industri Sesebuah, Berkembar dan Teres
14.	GPP Penginapan Pekerja Asing
GPP 5 : Garis Panduan Kemudahan Masyarakat	
15.	GPP Kemudahan Pendidikan
16.	GPP Kemudahan Kesihatan
17.	GPP Kemudahan Keagamaan
18.	GPP Kemudahan Keselamatan dan Kecemasan
19.	GPP Kemudahan Komuniti
20.	GPP Kemudahan Rekreasi
GPP 6 : Garis Panduan Infrastruktur dan Utiliti	
21.	GPP Pengangkutan Lalu Lintas
22.	GPP Piawaian Perancangan Jalan
23.	GPP Tempat Letak Kenderaan (TLK)
24.	GPP Bekalan Elektrik
25.	GPP Sistem Pembetungan
26.	GPP Menara Pemancar Telekomunikasi
27.	GPP Tempat Letak Kenderaan (TLK)
28.	GPP Bekalan Elektrik

Sumber :
i. PLANMalaysia@Melaka, 2021
ii. Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2021

03

PARAMETER UTAMA KAWALAN PEMAJUAN

Parameter Utama Kawalan Pemajuan bertujuan memastikan perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan mengambil kira tahap sensitiviti persekitaran dan sumber aset semula jadi yang amat penting untuk dilindungi, dipelihara dan dipulihara.



Simpang Ampat, Alor Gajah
@ Imej oleh APUDG, 2021

3.1 Parameter Utama Kawalan Pemajuan

Parameter Utama Kawalan Pemajuan bertujuan memastikan perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan mengambil kira tahap sensitiviti persekitaran dan sumber aset semula jadi yang amat penting untuk dilindungi, dipelihara dan dipulihara.

Terdapat beberapa parameter utama kawalan pemajuan yang diambil kira sebagai kawalan tambahan dalam pembangunan. Antara tujuan parameter ini adalah:

i. **Parameter 1 - Zon pemeliharaan alam sekitar** : bertujuan melindungi dan memelihara aset-aset penting semula jadi dalam kawasan RT bagi memastikan perancangan dan pembangunan dilaksanakan dengan mengambil kira tahap sensitiviti persekitaran seperti kawasan persisiran pantai, sungai, hutan dan lain-lain aset penting yang mesti dilindungi dan dipelihara;

ii. **Parameter 2 - Zon kawalan keselamatan** : bertujuan mengelakkan sebarang gangguan dan halangan yang berpunca dari pembangunan;


iii. **Parameter 3 - Zon ternakan sensitif** : bertujuan menghindarkan sebarang pencemaran yang berpunca dari aktiviti ternakan dan kawasan ternakan serta memastikan sebarang aktiviti ternakan baharu mengambil kira kawalan yang ditetapkan bagi memastikan pembangunan tersebut dapat dirancang dengan terperinci;

iv. **Parameter 4 - Zon risiko :** bertujuan menjamin keselamatan penduduk sekitar dan pembangunan dijalankan dengan syarat;

v. **Parameter 5 - Zon pembangunan transit** : bertujuan menggalakkan pembangunan yang padat di sekitar stesen rel bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian perkhidmatan pengangkutan awam kepada lebih ramai penduduk; dan


vi. **Parameter 6 - Zon persisiran pantai** : bertujuan memelihara dan melindungi kawasan semula jadi yang merangkumi darat dan laut (3 batu nautika, kawasan di bawah pentadbiran MPAG) agar tiada pencemaran dan mengekalkan kawasan pantai untuk tujuan rekreasi.

Rajah 3.1: Senarai Parameter Utama Kawalan Pemajuan



Jadual 3.1 : Parameter Utama Kawalan Pemajuan

Parameter 1 Zon Pemeliharaan Alam Sekitar	Parameter 2 Zon Kawalan Keselamatan	Parameter 3 Zon Ternakan Sensitif
KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR – TAHAP 1 Kawasan penting iaitu kawasan yang mempunyai sumber jaya semula jadi dan kepelbagaian yang tinggi atau unik yang membekalkan keperluan asas masyarakat seperti air bersih dan makanan, nilai sejarah dan warisan serta kawasan yang melindungi ciri-ciri untuk meningkatkan daya tahan terhadap bencana yang telah diwartakan atau dicadangkan untuk pewartaan. **KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR – TAHAP 2** Kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan penting untuk menyokong kehidupan masyarakat, kepelbagaian biologi atau ketahanan terhadap bencana tetapi tidak diwartakan iaitu: a. Hutan bukan HSK; b. Tanah bencah termasuk hutan paya laut; c. Kawasan untuk menjamin sumber air; d. Kawasan keselamatan; dan e. Kawasan berisiko bencana (banjir, hakisan pantai dan tsunami). **KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR – TAHAP 3** a. Kawasan yang melindungi dari ancaman pembangunan melalui pembangunan mampan. b. Kawasan yang boleh dibangunkan mengikut garis panduan berkaitan serta pemantauan yang rapi untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan. c. Pertukaran guna tanah kawasan penting sumber makanan adalah tidak dibenarkan kecuali untuk aktiviti pemulihan kawasan pertanian yang tidak diusahakan dengan melaksanakan amalan pertanian terbaik.	**KEM TENTERA TERENDAK** Cadangan lingkungan Zon Kawalan Keselamatan dengan jarak 400 meter dari Kem Tentera Terendak bertujuan mengelakkan berlakunya percanggahan aktiviti hingga menimbulkan risiko kacau ganggu. **KAWALAN KETINGGIAN DI KAWASAN SEKITAR LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA MELAKA** Zon melibatkan kawasan berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Keputusan dalam menentukan pembangunan dan had ketinggian bangunan yang dibenarkan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, jabatan teknikal dan agensi terlibat. **STESEN SATELIT BUMI MELAKA** Sebarang pembangunan berbentuk fizikal bagi lot-lot bersebelahan dengan Stesen Satelit Bumi Melaka tertakluk kepada kawalan ketinggian maksimum 2 tingkat dan mematuhi syarat serta keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.	**KAWASAN TERNAKAN AYAM** Bagi ternakan ayam / unggas sedia ada dibenarkan beroperasi di zon pertanian dan berada 500 meter dari tebing sungai dan 200 meter dari kawasan berpenduduk (perumahan dan kemudahan awam /institusi) dan mematuhi dasar/ garis panduan/enakmen Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berkuat kuasa di negeri Melaka. **KAWASAN TERNAKAN BABI** Aktiviti penternakan babi sedia ada perlu mematuhi dasar dan garis panduan yang berkuat kuasa. Semua bekas ladang babi perlu menjalankan kaedah pemulihan bagi memastikan tanah sedia ada kembali subur dan boleh diusahakan dengan aktiviti pertanian lain (seperti ladang kelapa sawit).
	Parameter 4 **Zon Risiko**	**Parameter 5** **Zon Pembangunan Transit**
	ZON RANGKAIAN GAS a. Laluan jajaran rangkaian gas sedia ada dan Zon Penampan 400 meter di sekitar *City Gates.* **KAWASAN KUARI** a. Zon penampan 500 meter di sekitar kawasan kuari dihadkan kepada pembangunan densiti rendah seperti pertanian, perladangan dan perindustrian. b. Kaedah-kaedah kuari dan lain-lain kawalan yang berkuat kuasa di negeri Melaka yamg diguna pakai dalam mengawal aktiviti pengkuarian dan memastikan aktiviti ini dijalankan secara mampan serta tidak membahayakan nyawa, harta benda atau alam sekeliling. **TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL** a. Tiada pembangunan pada jarak 1,000 meter dari tapak pelupusan sisa pepejal. b. Pembangunan semula di atas bekas tapak pelupusan sisa pepejal yang telah ditutup tidak digalakkan kecuali bagi pembangunan bukan struktur kekal dengan sokongan kajian-kajian kejuruteraan seperti kajian geoteknik, penilaian geologi dan sebagainya.	**ZON PEMBANGUNAN TRANSIT (ZPT)** a. Lingkungan Zon Pembangunan Transit adalah 400 meter dari sempadan stesen. b. Penambahan Nisbah Plot 1: 0.5 diberikan di zon guna tanah komersial dengan pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan. **Parameter 6** **Zon Persisiran Pantai** Merujuk kepada zon persisiran pantai digalakkan pembangunan yang mempunyai impak rendah dan reka bentuk berdaya tahan bagi memelihara, memulihara sumber jaya, menjamin keunikan pantai serta mengurangkan kerapuhan zon persisiran pantai. RTMPAG2035 (Penggantian) zon persisiran pantai merangkumi tiga (3) kawasan iaitu: i. Jarak 1 kilometer dari garis pantai ke darat adalah Koridor Persisiran Pantai (KSAS (Warisan : Kepelbagai Biologi) – Tahap 3; ii. Jarak 4 kilometer dari sempadan darat koridor persisiran pantai adalah Zon Persisiran Pantai; dan iii. Jarak 3 batu nautika dari garis pantai ke arah laut.



RAJAH 3.2 : PARAMETER UTAMA KAWALAN PEMAJUAN, 2035

PETUNJUK:

Parameter Utama Kawalan Pemajuan

Parameter 1 (Zon Pemeliharaan Alam Sekitar)

Tahap 1
- Hutan Simpanan Kekal
- Rizab Hidupan Liar
- Tapak Pendaratan Penyu
- Kawasan Habitat Buaya
- Habitat Tuntung
- Habitat Burung
- Kota Bukit Supai
- Terumbu Karang
- Cadangan Geotapak Tg. Tuan
- Kawasan Cerun 35°
- Empangan dan TAPS
- Muka Sauk - Takat Pengambilan air
- Rizab Sungai
- Kolam Takungan Durian Tunggal
- Menara Radar Tg. Tuan

Tahap 2
- Kuala Linggi International Port (KLIP)
- Zon Penampan 500m (Empangan Durian Tunggal dan TAPS)
- Zon Penampan HSK 50m
- Taman Rekreasi
- Kecerunan 25°-35°
- Kawasan Banjir
- Petrokimia-Janakuasa Telok Gong
- Kolam Dwi Fungsi
- Kawasan Hutan Paya Lebar
- Sempadan 3 Batu Nautika
- Kawasan Tadahan Empangan
- Hulu Sungai 10km Muka Sauk - Takat Pengambilan air
- Kenaikan Aras Laut

Tahap 3
- Rezab Orang Asli
- Tanah Bukit Berketinggian 150 - 267 meter
- Kecerunan 15°-25°
- Pulau
- Kawasan Sumber Makanan
- Cadangan Lembangan Sungai
- Koridor Pesisiran Pantai 1km

Parameter 2 (Zon Kawalan Keselamatan)
- Zon Kawalan Ketinggian di Sekitar Lapangan Antarabangsa Melaka
- Zon Kawalan Keselamatan 400 m dari Kem Tentera Terendak
- Stesen Satelite Bumi Melaka

Parameter 3 (Zon Ternakan Sensitif)
- Ternakan Babi
- Ternakan Ayam

Parameter 4 (Zon Risiko)
- Zon Penampan Kuari(600m)
- Zon Penampan Tapak Pelupusan Sampah (1km)
- Laluan Rangkaian Gas
- City Gates

Parameter 5 (Zon Pembangunan Transit)
- Zon Pembangunan Transit(400m & 800m)

Parameter 6 (Zon Pesisiran Pantai)
- Zon Pesisiran Pantai(5km)

Lain-lain:
- Bandar / Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Stesen dan Laluan Keretapi
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)



Sumber :
1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :
1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.

3.2 Zon Pemeliharaan Alam Sekitar

Zon Pemeliharaan Alam Sekitar merujuk kepada kawasan yang memerlukan kawalan dan panduan tambahan yang khusus bagi setiap aktiviti pembangunan dan penggunaan tanah yang secara amnya bertujuan melindungi dan memelihara alam sekitar. Kawasan yang telah dikenal pasti sebagai zon pemeliharaan alam sekitar adalah kawasan yang sensitif terhadap perubahan guna tanah dan aktiviti pembangunan.

Kawasan ini dipelihara kerana nilai kepelbagaian biologi, berperanan meningkatkan daya sokongan hidup dan juga dapat berfungsi sebagai kawasan rekreasi. Kawasan zon pemeliharaan mesti dilindungi untuk mengekalkan aset semula jadi dan membantu mengurangkan ancaman risiko kepada penduduk dan persekitarannya.

Objektif utama zon pemeliharaan alam sekitar adalah melindungi aset semula jadi yang terhad seperti hutan simpanan kekal, hutan, sungai dan pantai daripada diancam oleh aktiviti pembangunan.

Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Tahap 1

Kawasan penting yang **mempunyai sumber jaya semula jadi dan kepelbagaian yang tinggi atau unik** yang membekalkan keperluan asas masyarakat seperti **air bersih dan makanan, nilai sejarah dan warisan** serta kawasan yang melindungi ciri-ciri untuk **meningkatkan daya tahan terhadap bencana** yang telah **diwartakan atau dicadangkan untuk pewartaan.**

Tahap 2

Kawasan yang dikenal pasti sebagai **kawasan penting** untuk **menyokong kehidupan masyarakat, kepelbagaian biologi atau ketahanan terhadap bencana** tetapi tidak diwartakan seperti **hutan bukan HSK, tanah bencah termasuk hutan paya laut, kawasan untuk menjamin sumber air, kawasan keselamatan dan kawasan berisiko bencana** seperti banjir, hakisan pantai dan tsunami.

Tahap 3

Kawasan yang dikenal pasti sebagai **kawasan yang melindungi dari ancaman pembangunan melalui pembangunan mampan**. Kawasan ini boleh **dibangunkan mengikut garis panduan** berkaitan serta pemantauan yang rapi untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan. **Pertukaran guna tanah kawasan penting sumber makanan adalah tidak dibenarkan** kecuali untuk aktiviti pemulihan kawasan pertanian yang tidak diusahakan dengan melaksanakan amalan pertanian terbaik.




Paya Bakau di Sungai Paya Lebar, Alor Gajah
@imej oleh APUDG, 2021

Jadual 3.2 : Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

KATEGORI	TAHAP 1 (TAHAP SANGAT SENSITIF)	TAHAP 2 (TAHAP SENSITIF SEDERHANA)	TAHAP 3 (TAHAP SENSITIF RENDAH)
KSAS WARISAN			
Kepelbagaian Biologi	**Hutan Simpanan Kekal (Perlindungan):** i. Tanjung Tuan ii. Linggi iii. Kuala Linggi iv. Linggi (Tambahan) v. Sungai Udang vi. Sungei Baru Ulu vii. Kemuning viii. Sungei Baru Hilir ix. Taboh Naning **Rizab Hidupan Liar:** i. Tanjung Tuan **Habitat penting biodiversiti terancam / terlindung:** i. Santuari Penyu Pengkalan Balak-Padang Kemunting. ii. Tapak Berkepentingan Burung (IBA). iii. Kawasan Larangan Perikanan Tanjung Tuan. iv. Habitat buaya tembaga di hutan paya laut Sg. Linggi. v. Kawasan terumbu karang dan dataran rumpai laut di Tanjung Tuan. vi. Habitat tuntung laut di Sg. Linggi ke Tanjung Bidara.	i. Hutan Tanah Kerajaan Paya Lebar. ii. 50 meter zon penampan Hutan Simpanan Kekal. iii. Koridor laut persisiran pantai 3 batu nautika.	Koridor persisiran pantai 1 kilometer ke darat dari Kuala Linggi ke Tanjung Bidara.
Sejarah dan Warisan	i. Kota Bukit Supai ii. Rumah Api Tanjung Tuan	i. Taman Rekreasi dan Pelancongan: a. Hutan Rekreasi Bukit Panchor b. Taman Rekreasi Bukit Beringin c. Taman Rekreasi Datuk Poh Ah Tiam d. Taman Rekreasi Samarinda e. Taman Rekreasi Durian Daun f. Taman Rekreasi Persisiran Sg. Pengkalan ii. Kolam Air Panas a. Kolam Air Panas Kampung Gadek, Cherana Putih. b. Kolam Air Panas Kendong-Rembau.	Rizab Kampung Orang Asli
Geologi	Cadangan Geotapak Tanjung Tuan	-	Pulau-pulau a. Pulau Masjid. b. Pulau Konet. c. Pulau Keramat.
KSAS RISIKO BENCANA			
Kawasan Risiko Bencana	Kawasan Cerun > 35°	i. Kecerunan antara 25° – 35° ii. Kawasan sekuriti iaitu kawasan yang memerlukan pelan pengurusan tindakan bersepadu (kecemasan) bagi mengelak pencemaran yang serius, gangguan perkhidmatan asas atau ancaman keselamatan penduduk: a. *Melaka Energy Corridor* (Industri Petrokimia Telok Gong, Stesen Janakuasa Telok Gong). b. Menara Radar Tanjung Tuan. c. Kuala Linggi International Port (KLIP). iii. Banjir di kawasan tepu bina / perkampungan di pinggir sungai : a. Kampung Lubok China. b. Kampung Taboh Naning. c. Kampung Gadek. d. Bandar Alor Gajah. iv. Kawasan hakisan pantai kritikal (60 meter dari garis pantai) : a. Tanjung Bukit Supai. b. Tanjung Dahan. c. Tanjung Bidara-Pengkalan Balak. d. Balik Batu. v. Unjuran kenaikan aras laut a. Muara Sg. Kuala Linggi b. Sg. Baru	i. Kawasan tanah bukit antara 150 meter hingga 300 meter. ii. Kawasan antara cerun 15° hingga 25°.
KSAS BERNILAI SOKONGAN HIDUP			
Bekalan Air bersih	i. Empangan Durian Tunggal dan Zon Perlindungan Empangan Durian Tunggal (10 meter - 50 meter) ii. Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih iii. Muka sauk/Takat pengambilan air: a. Muka sauk Gadek (Sg. Batang Melaka) b. Muka sauk Sg. Siput (Sg. Siput) c. Muka sauk Bertam (Sg. Melaka) d. Muka sauk Lubok China (Sg Rembau) e. Muka sauk DAF1 dan DAF2 (Empangan Durian Tunggal) f. Muka sauk Bukit Bulat (Empangan Durian Tunggal)	i. Kawasan tadahan Empangan Durian Tunggal ii. Zon penampan bagi empangan dan kolam dwi-fungsi (Enakmen Sumber Air, Negeri Melaka) : a. 500 meter di sekeliling Empangan Durian Tunggal dan TAPS Jernih b. 100 meter di sekeliling Kolam Dwifungsi Krubong - Durian Tunggal iii. Kolam dwi-fungsi (Enakmen Sumber Air, Negeri Melaka) : a. 100 meter di sekeliling Kolam Dwifungsi Krubong - Durian Tunggal iv. Hulu sungai (10 kilometer) dari muka sauk/takat pengambilan air: a. Muka sauk Gadek (Hulu Sungai 10 kilometer di Sg. Batang Melaka dan Sg. Kemuning) b. Muka sauk Sg. Siput (Hulu Sungai 10 kilometer di Sg. Siput) c. Muka sauk Bertam (Hulu Sungai 10 kilometer di Sg. Melaka, Sg. Parit Melana, Sg. Durian Tunggal, Sg. Garing dan Sg. Ulu Melaka Pindah) d. Muka sauk Lubok China (Hulu Sungai 10 kilometer di Sg. Rembau)	Kawasan tadahan air/lembangan sungai. a. Sg. Melaka b. Sg. Baru c. Sg. Rembau - Sg. Siput
Sungai, Tasik & Habitat di Kawasan Riparian	Sungai dan Rizab Sungai (Semua Sungai Telah Warta)	i. Badan air: a. Kolam Menggong	-
Sumber Makanan	-	-	Kawasan Pertanian bagi tujuan sumber makanan: a. Ayer Pa'abas b. Sungei Siput c. Lubok China d. Parit Melana e. Brisu f. Masjid Tanah

Jadual 3.3 : Perincian Tahap Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Tahap KSAS	KSAS Tahap 1 (Tahap Sangat Sensitif)	KSAS Tahap 2 (Tahap Sensitif Sederhana)	KSAS Tahap 3 (Tahap Sensitif Rendah)
Kriteria	**Kawasan penting** yang **mempunyai sumber jaya semula jadi dan kepelbagaian yang tinggi atau unik** yang membekalkan keperluan asas masyarakat seperti **air bersih dan makanan, nilai sejarah dan warisan** serta kawasan yang melindungi ciri-ciri untuk **meningkatkan daya tahan terhadap bencana** yang telah **diwartakan atau dicadangkan untuk pewartaan.**	Kawasan yang dikenal pasti sebagai **kawasan penting** untuk **menyokong kehidupan masyarakat, kepelbagaian biologi atau ketahanan terhadap bencana** tetapi tidak diwartakan seperti: **i. Hutan bukan HSK.** **ii. Tanah bencah termasuk hutan paya laut.** **iii. Kawasan untuk menjamin sumber air** **iv. Kawasan keselamatan.** **v. Kawasan berisiko bencana** seperti banjir, hakisan pantai dan tsunami.	**i. Kawasan yang melindungi dari ancaman pembangunan melalui pembangunan mampan.** ii. Kawasan yang boleh **dibangunkan mengikut garis panduan** berkaitan serta pemantauan yang rapi untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan. **iii. Pertukaran guna tanah kawasan penting sumber makanan adalah tidak dibenarkan** kecuali untuk aktiviti pemulihan kawasan pertanian yang tidak diusahakan dengan melaksanakan amalan pertanian terbaik.
Kawalan Umum	i. Penyahwartaan atau tukar guna tanah dan aktiviti pembangunan tidak dibenarkan kecuali talian penghantaran (rentis) elektrik yang dalam cadangan. Sekiranya penyahwartaan atau tukar guna tanah diperlukan, ia mesti melalui mekanisme yang ketat (termasuk proses pendengaran umum) dan penggantian dengan kawasan yang bernilai biodiversiti atau fungsi ekosistem yang setara secara serentak. ii. Aktiviti pembangunan yang dibenarkan dalam rizab sungai adalah tertakluk kepada garis panduan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) seperti Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai (1995) dan Penanaman Pokok yang Sesuai Di Tebing Sungai (1995). a. Pemindahan jajaran sungai tidak dibenarkan; b. Pembangunan yang dibenarkan hanya untuk tujuan pengindahan dan rekreasi dengan persetujuan JPS; c. Pembangunan infrastruktur yang dibenarkan perlu menerapkan konsep pembangunan tepi sungai seperti pembinaan struktur jeti dan restoran terapung di atas tiang; d. Penanaman spesies pokok yang sesuai (spesies tempatan diutamakan) pada jajaran yang sama di sepanjang sungai; dan e. Pokok ditanam pada jarak yang sesuai dari tebing sungai bagi membolehkan pokok merimbun ke sungai. **iii. Pembangunan Bersyarat : Pembangunan berimpak rendah* bagi kegunaan seperti ekopelancongan****, aktiviti pendidikan dan penyelidikan dibenarkan tertakluk kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan. **Pembangunan infrastruktur dan fasiliti asas sahaja dibenarkan seperti tandas, wakaf, pondok pusat informasi dan papan tanda informasi, tapak perkhemahan, bangunan tidak melebihi dua (2) tingkat atau 10 meter dan menerapkan konsep alam sekitar, penggunaan 'boardwalk' untuk pejalan kaki (tidak melebihi tiga (3) meter lebar atas tanah lembap, bilangan pelawat dan penyelidik yang dibenarkan berdasarkan kajian daya tampung, pengeluaran organisma hidup untuk kajian hanya dibenarkan dengan kelulusan agensi berkaitan.* *** Contoh aktiviti ekopelancongan dan pendidikan yang dibenarkan adalah jungle tracking, hari terbuka untuk penyelidik, berbasikal dan festival tahunan.* **v. Penetapan jarak zon penampan** bagi kawasan sumber air merujuk kepada **Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014**, Jadual Kedua : Penetapan Jarak Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air. **vi. Aktiviti yang tidak dibenarkan:** a. Pembangunan baharu atau perluasan pembangunan sedia ada; b. Perluasan kawasan perlombongan sedia ada; dan c. Pembalakan dan pertanian.	i. Pembangunan dibenarkan dengan kawalan yang ketat dan selari dengan perancangan yang ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan. ii. Pembalakan secara mampan menggunakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*) dalam HSK dibenarkan. iii. Pembangunan baharu yang berpotensi menyebabkan pencemaran signifikan atau mengganggu bekalan air kawasan takungan seperti pengambilan pasir, penternakan ikan dan babi, kawasan industri yang menghasilkan bahan sisa berjadual tidak dibenarkan dalam jarak 10km hulu dari sempadan takungan air dan muka sauk pada kelebaran minimum yang ditetapkan dalam Warta Peraturan Zon Perlindungan dan Pemampan Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. iv. Semua pembangunan di persisiran pantai mesti mematuhi RFZPPN-2, ISMP negeri dan garis panduan dan dasar berkaitan yang sedang berkuatkuasa sebagai contoh pematuhan had anjakan pembangunan dan kawalan pengambilan pasir. v. Perancangan pembangunan perlu mengambil kira potensi impak secara menyeluruh dengan perancangan berdekatan dan yang akan datang. vi. Penetapan jarak zon penampan bagi kawasan sumber air merujuk kepada Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014, Jadual Kedua : Penetapan Jarak Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air.	



RAJAH 3.3 : KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

PETUNJUK:

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Tahap 1
- Hutan Simpanan Kekal
- Rizab Hidupan Liar
- Tapak Pendaratan Penyu
- Kawasan Habitat Buaya
- Habitat Tuntung
- Habitat Burung
- Kota Bukit Supai
- Terumbu Karang
- Cadangan Geotapak Tg. Tuan
- Kawasan Cerun 35°
- Empangan dan TAPS
- Muka Sauk - Takat Pengambilan Air
- Rizab Sungai
- Kolam Takungan Durian Tunggal
- Menara Radar Tg. Tuan

Tahap 2
- Kuala Linggi International Port (KLIP)
- Zon Penampan 500m (Empangan Durian Tunggal dan TAPS)
- Zon Penampan HSK 50m
- Taman Rekreasi
- Kecerunan 25°-35°
- Kawasan Banjir
- Petrokimia-Janakuasa Telok Gong
- Kolam Dwi Fungsi
- Kawasan Hutan Paya Lebar
- Sempadan 3 Batu Nautika
- Kawasan Tadahan Empangan
- Hulu Sungai 10km Muka Sauk - Takat Pengambilan Air
- Kenaikan Aras Laut

Tahap 3
- Rezab Orang Asli
- Tanah Bukit Berketinggian 150 - 267 meter
- Kecerunan 15°- 25°
- Pulau
- Kawasan Sumber Makanan
- Cadangan Lembangan Sungai
- Koridor Pesisiran Pantai 1km


Lain-lain:
- Bandar / Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Keretapi
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)

1 : 185,000 (0, 2, 4 Kilometer)



Sumber :
1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :
1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



RAJAH 3.4 : KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) - TAHAP 1

PETUNJUK:

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Tahap 1

- Hutan Simpanan Kekal
- Rizab Hidupan Liar
- Tapak Pendaratan Penyu
- Kawasan Habitat Buaya
- Habitat Tuntung
- Habitat Burung
- Kota Bukit Supai
- Terumbu Karang
- Cadangan Geotapak Tg. Tuan
- Kawasan Cerun 35°
- Empangan dan TAPS
- Muka Sauk - Takat Pengambilan Air
- Rizab Sungai
- Kolam Takungan Durian Tunggal
- Menara Radar Tg. Tuan

Lain-lain:

- Bandar / Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Keretapi
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)




Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



RAJAH 3.5 : KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) - TAHAP 2

PETUNJUK:

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Tahap 2


- Kuala Linggi International Port (KLIP)
- Zon Penampan 500m (Empangan Durian Tunggal dan TAPS)
- Zon Penampan HSK 100m
- Taman Rekreasi
- Kecerunan 25°-35°
- Kawasan Banjir
- Petrokimia-Janakuasa Telok Gong
- Kolam Dwi Fungsi
- Kawasan Hutan Paya Lebar
- Sempadan 3 Batu Nautika
- Kawasan Tadahan Empangan
- Hulu Sungai 10km Muka Sauk - Takat Pengambilan Air
- Kenaikan Aras Laut

Lain-lain:

- Bandar / Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Keretapi
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)

1 : 185,000

0 2 4 Kilometer



Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.

Daerah Port Dickson

Daerah Rembau

Daerah Tampin

Daerah Melaka Tengah

Daerah Jasin

Selat Melaka

Lebuhraya Utara - Selatan

Ke Seremban/ Utara

Ke Rembau/ Seremban

Ke Gemencheh

Ke Tampin

Ke Ayer Kuning

Ke Rembau

Ke Port Dickson

Ke Jasin

Ke Sungai Udang

Ke Paya Rumput/ Bandar Melaka

Ke Melaka Tengah/ Bandar Hilir

Ke Johor Bahru/ Selatan

Stesen KTMB Pulau Sebang

Lubok China

Brisu

Simpang Ampat

Pulau Sebang

Kuala Sungga

Gadek

Ramuan China Besar

Habitat Buaya Sg. Linggi

Habitat Tuntung Sg. Linggi

Kuala Linggi

Kuala Linggi International Port (KLIP)

Alor Gajah

Malaka Pindah

Kuala Sungai Baru

Masjid Tanah

Lendu

Rembia

Durian Tunggal

Pengkalan Balak

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

FT5

FT19

FT61

FT191

FT138

FT139

FT379

FT33

E2

Tanjung Tuan

RAJAH 3.6 : KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) - TAHAP 3

PETUNJUK:

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Tahap 3

- Rezab Orang Asli
- Tanah Bukit Berketinggian 150 - 267 meter
- Kecerunan 15°- 25°
- Pulau
- Kawasan Sumber Makanan
- Cadangan Lembangan Sungai
- Koridor Pesisiran Pantai 1km

Lain-lain:

- Bandar / Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT
- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Keretapi
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)

1 : 185,000

0 2 4 Kilometer



Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.

3.2.1 Koridor Persisiran Pantai (1km)

Pantai merupakan aset kepada biodiversiti, ekonomi (negeri dan penduduk tempatan) dan kawasan pelancongan namun kawasan pantai juga sangat sensitif dari segi keunikan biologi dan kadar hakisan tinggi, kenaikan aras air laut dan lain-lain risiko bencana.

Pesisir merupakan pantai yang bersambung dengan daratan. Ia merupakan jasad sedimen yang sempit (*narrow*) dan memanjang serta selari dengan garis pesisir. Ianya terdiri dari pasir yang terbentuk hasil tindakan gelombang/ombak. Pasir ini akan terletak di atas paras laut dan terdedah kepada aktiviti angin dan membentuk gumuk* rendah (*low dune*).

Pada parameter kawasan sensitif alam sekitar (warisan) untuk kategori kepelbagaian biologi iaitu tahap 3 ialah koridor persisiran pantai 1km dari garis pantai ke darat dan dari kawasan Kuala Linggi ke Tanjung Bidara.

Merujuk kepada RFZPPN2, zon persisiran pantai merangkumi jarak 5km garis pantai ke darat dan 3 batu nautika arah laut. Manakala, RTMPAG2035 (Penggantian) zon persisiran pantai merangkumi tiga (3) kawasan iaitu : -

i. Jarak 1 kilometer dari garis pantai ke darat adalah Koridor Persisiran Pantai (KSAS (Warisan : Kepelbagai Biologi) – Tahap 3;
ii. Jarak 4 kilometer dari sempadan darat koridor persisiran pantai adalah Zon Persisiran Pantai; dan
iii. Jarak 3 batu nautika dari garis pantai ke arah laut.

Nota: Gumuk ialah bukit pasir yang terbina sama ada dengan angin atau aliran air.*

Koridor persisiran pantai adalah kawasan sangat mudah terdedah dalam waktu yang singkat dengan sebarang ancaman risiko bencana. Maka, prinsip perancangan dan pemuliharaan yang merangkumi di koridor persisiran pantai adalah :

i. Pembangunan baru mesti mematuhi had anjakan pembangunan terkini yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di zon persisiran pantai;

ii. Reka bentuk bangunan yang berdaya tahan dan bebas halangan;

iii. Mempertingkatkan penyediaan kemudahan awam dan kesiapsiagaan pusat-pusat pemindahan sementara bagi perlindungan ketika dan selepas bencana;

iv. Menambahbaik dan menyelenggara struktur pantai sedia ada bagi menghadapi risiko kenaikan aras laut;

v. Saliran dan aliran air sungai yang membawa air larian serta sedimen ke muara sungai dan laut tidak terganggu serta perangkap sampah mesti dipasang agar sampah sarap (*floatables*) tidak dibawa arus sungai ke laut;

vi. Melaksanakan pemuliharaan laluan migrasi, pendaratan penyu dan kawasan sumber makanan penyu serta meluaskan program penanaman dan pemuliharaan hutan paya laut;

vii. Menganjurkan program kesedaran bersama komuniti bagi meningkatkan tahap kefahaman dan kesedaran masyarakat setempat akan kepentingan kerja-kerja konservasi terumbu karang, rumput laut dan penyu; dan

viii. Memberi pendedahan awal kepada orang awam dalam mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) semasa bencana.

3.3 Zon Kawalan Keselamatan

Parameter kawalan pemajuan di Zon Kawalan Keselamatan adalah penting bagi menjamin kawalan ke atas bangunan baharu atau pembesaran bangunan sedia ada sekitar Kem Tentera Terendak dan kawasan kawalan ketinggian di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka.

3.3.1 Kem Tentera Terendak

Kem Tentera Terendak merupakan kawasan yang menjalankan operasi ketenteraan. Sehubungan itu, kawasan sekitar 400 meter dari sempadan lot Kem Tentera Terendak perlu mempunyai kawalan khas untuk tujuan perlindungan dan keselamatan bagi mengelakkan berlakunya sebarang percanggahan aktiviti hingga menimbulkan risiko kacau ganggu.

Garis Panduan Kawasan Sekitar Kem Tentera Terendak

i. Merangkumi 400 meter dari sempadan lot Kem Tentera Terendak;
ii. Garis panduan ini digunakan sebagai rujukan apabila sebarang pembangunan yang terletak di lingkungan Zon Kawalan Sekitar Kem Tentera Terendak; dan
iii. Sebarang pembangunan dalam zon ini mesti merujuk kepada Angkatan Tentera Malaysia (Kem Tentera Terendak) sebelum keputusan dibuat. Keputusan terakhir untuk menentukan pembangunan dan ketinggian bangunan yang dibenarkan di dalam zon kawalan sekitar ini tertakluk kepada Angkatan Tentera Malaysia (Kem Tentera Terendak), jabatan teknikal dan agensi terlibat.

Pengecualian:

i. Struktur sedia ada - Sebarang struktur sedia ada di dalam Zon Kawalan Sekitar sebelum garis panduan ini dikeluarkan.
ii. Struktur bercanggah – Sebarang struktur yang tidak mematuhi kehendak-kehendak garis panduan ini berkemungkinan akan diubah atau ditukar berdasarkan kepada keperluan terhadap ketinggian sedia ada pada masa garis panduan ini dikeluarkan; dan
iii. Struktur tiang - Menara pemancar juga sebahagian daripada struktur bangunan.

3.3.3 Stesen Satelit Bumi Melaka

Stesen Satelit Bumi Melaka terletak di mukim Lendu dengan keluasan 8 hektar. Lokasi Stesen Satelit Bumi ini perlu berada di tempat yang jauh dari kawasan berpenduduk dan kawasan industri untuk menghindarkan kesan radiasi.

Sebarang pembangunan berbentuk fizikal bagi lot-lot bersebelahan dengan Stesen Satelit Bumi Melaka tertakluk kepada kawalan ketinggian maksimum 2 tingkat dan mematuhi syarat serta keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

3.3.2 Kawalan Ketinggian di Kawasan Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka


Zon melibatkan kawasan berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Keputusan dalam menentukan pembangunan dan had ketinggian bangunan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, jabatan teknikal dan agensi terlibat. Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka memberikan perkhidmatan pengangkutan udara kepada negeri Melaka. Tujuan kawalan sekitar adalah untuk memastikan keselamatan penerbangan kapal terbang dan perlindungan bangunan yang terletak dalam laluan penerbangan serta kawasan yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Kawalan ini terpakai bagi kawasan zon penerbangan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka dan mempunyai batasan halangan permukaan lapangan terbang seperti yang dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia.

Garis Panduan Kawasan Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka

i. Zon ini melibatkan kawasan yang terletak berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka dan kawasan yang berada di bawah laluan mendarat dan berlepas lapangan terbang;
ii. Lokasi tapak yang terlibat perlu ditentukan dan disahkan koordinatnya oleh Juru Ukur Tanah bertauliah;
iii. Garis panduan ini digunakan sebagai rujukan dalam mereka bentuk dan membangunkan sebarang pembangunan yang terletak dalam Zon Kawalan Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Keputusan terakhir dalam menentukan pembangunan dan ketinggian bangunan yang dibenarkan di dalam zon ini tertakluk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, jabatan teknikal dan agensi terlibat; dan
iv. Ketinggian Bangunan Dibenarkan - tiada mana-mana bahagian atau struktur di dalam Zon Kawalan Sekitar boleh melebihi dari paras ketinggian dalam AMSL.

Pengecualian:

i. Struktur sedia ada - Mana-mana struktur yang berada di dalam Zon Kawalan Sekitar di mana ia telah dibangunkan sebelum garis panduan ini dikeluarkan.
ii. Struktur bercanggah – Sebarang struktur yang tidak mematuhi kehendak-kehendak garis panduan ini berkemungkinan akan diubah atau ditukar berdasarkan kepada keperluan terhadap ketinggian sedia ada pada masa garis panduan ini dikeluarkan; dan
iii. Struktur tiang - Menara pemancar juga sebahagian daripada struktur bangunan.



RAJAH 3.7 : ZON KAWALAN KESELAMATAN

PETUNJUK:

Zon Kawalan Keselamatan


- Zon Kawalan Ketinggian di Sekitar Lapangan Antarabangsa Melaka
- Zon Kawalan Keselamatan 400 m dari Kem Tentera Terendak
- Kawasan Stesen Satelit Bumi

Lain-Lain:

- Lebuh Raya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- E2 Kod Jalan
- Stesen dan Laluan Kereta Api
- Cadangan Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Sungai
- Empangan/Takungan

Sempadan:

- Bandar/Pekan
- Cadangan Perluasan Sempadan Pentadbiran MPAG (3 Batu Nautika) [Selaras dengan keputusan JPN Bil 1/2016]
- Cadangan Indikatif Sempadan Perluasan MPAG yang belum dimuktamadkan 3bn Tanjung Tuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan PBT




Sumber :

1. PLANMalaysia@PPZS, 2021
2. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), 2021
3. RTMPAG 2035 (Penggantian), 2022

Nota :

1. Garis sempadan mukim Kuala Linggi disediakan berdasarkan salinan keras pelan dari pihak JUPEM, 2022.
2. Persempadanan dan maklumat keluasan bagi kawasan perairan Tanjung Tuan adalah indikatif (PLANMalaysia@Melaka) yang belum melalui proses kerja ukur dari pihak JUPEM.



RAJAH 3.8 : KEM TENTERA TERENDAK

PETUNJUK:

Zon Guna Tanah 2035

- Perumahan
- Perkampungan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Infrastruktur dan Utiliti
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Pertanian
- Skim Padi
- Hutan
- Pantai
- Badan Air
- Sungai
- Zon Kawalan Keselamatan 400 m dari Kem Tentera Terendak

Lain-Lain:

- Sungai
